

NOTA PENERANGAN

Cara membaca dokumen ini

Sila ambil perhatian bahawa Sijil Kereta Persendirian anda bermula dari halaman 6 dan seterusnya. Bagi membantu anda membaca dan memahami sijil ini dengan lebih mudah, kami menyediakan beberapa nota penerangan bersama ulasan dan contoh (ditulis dalam *italik*). Nota penerangan ini bukan sebahagian daripada sijil dan tidak boleh digunakan bagi mentakrif kontrak **Takaful** anda jika berlaku sebarang pertikaian.

Perkataan dalam huruf tebal

Anda akan lihat terdapat beberapa perkataan dalam sijil ini yang dicetak dalam **huruf tebal**. Ini kerana perkataan-perkataan tersebut memberikan makna yang khusus dalam Sijil Motosikal ini. Sila rujuk Seksyen F pada halaman 16 hingga 18 bagi makna perkataan-perkataan tersebut.

Apakah yang dikira sebagai kontrak Takaful anda?

Kontrak Takaful anda merangkumi perkara berikut:

1. **Sijil Takaful** pada halaman 6 hingga 26 (kecuali teks dalam keadaan *italik*);
2. Segala maklumat yang anda telah beritahu kami semasa memohon **Takaful** ini;
3. Jadual;
4. **Endorsemen** yang dilampirkan pada **Sijil**; dan
5. **Sijil Takaful**.

Kesemuanya hendaklah dibaca bersama kerana ini merupakan kontrak **Takaful** anda.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari www.pidm.gov.my/my)

Tanggungjawab Pendedahan

A. Kontrak Takaful Pengguna

Jika **Takaful** yang anda pohon ini tidak berkait sama sekali dengan kegiatan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab untuk tidak membuat kesilapan semasa menjawab soalan pada Borang Permohonan (atau semasa anda membuat permohonan **Takaful** ini) iaitu, anda perlu menjawab semua soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan dalam menjawab sebarang soalan boleh menyebabkan pengelakan kontrak **Takaful** anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak **Takaful** anda berdasarkan Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan sebarang perkara yang relevan kepada kami dalam membuat keputusan untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang digunakan.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu kami dengan serta merta pada bila-bila masa selepas kontrak **Takaful** anda berkuat kuasa, diubah atau diperbaharui, sekiranya sebarang maklumat yang dinyatakan pada Borang Permohonan (atau semasa anda membuat permohonan **Takaful** ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

B. Kontrak Takaful Komersial

Jika **Takaful** yang anda pohon ini berkait sepenuhnya dengan kegiatan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab untuk mendedahkan segala perkara yang relevan kepada kami dalam membuat keputusan untuk menerima risiko dan kadar dan terma yang digunakan, serta seorang yang berada dalam keadaan itu dianggap relevan, kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan pengelakan kontrak **Takaful**, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak **Takaful** anda.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu kami dengan serta merta pada bila-bila masa selepas kontrak **Takaful** anda berkuat kuasa, diubah atau diperbaharui, sekiranya sebarang maklumat yang dinyatakan pada Borang Permohonan (atau semasa anda membuat permohonan **Takaful** ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

Berikut merupakan contoh tindakan yang akan diambil sekiranya pernyataan yang kami terima adalah salah tentang mana-mana fakta sebelum sijil berkuat kuasa:

1. pengisytiharan sijil anda terbatal dari mula (iaitu sijil dianggap tidak sah), dan kami tidak akan membayar sebarang tuntutan;
2. pembatalan sijil dan memulangkan sebarang sumbangan setelah ditolak caj yang berkaitan atau menuntut sumbangan yang belum dibayar;
3. menuntut semula apa-apa kekurangan dalam sumbangan;
4. menolak mana-mana tuntutan yang telah atau akan dikemukakan di bawah sijil; atau
5. berhak menuntut kembali jumlah tuntutan yang telah dibayar di bawah sijil atau segala tuntutan yang kami bayar disebabkan undang-undang jalanraya, termasuk kos membuat tuntutan.

Apakah yang dilindungi?

Takaful anda tidak melindungi segala perkara yang boleh berlaku terhadap kereta anda. Sila semak Jadual yang telah kami berikan kepada anda untuk mengetahui jenis perlindungan yang anda peroleh. Jenis perlindungan utama adalah:

Halaman	Perlindungan Asas:	Komprensif	Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian	Pihak Ketiga Sahaja
7 ke 10	Seksyen A: Kerugian atau Kerosakan pada Kereta Anda			
7	1. a. Apa yang dilindungi (di bawah seksyen ini)			
	(i) perlanggaran atau terbalik akibat kemalangan	✓	X	X
	(ii) perlanggaran atau terbalik akibat kerosakan mekanikal	✓	X	X
	(iii) perlanggaran atau terbalik akibat haus dan lusuh	✓	X	X
	(iv) kerosakan akibat dihempap oleh objek berat tertakluk kepada pengecualian tertentu	✓	X	X
	(v) kebakaran, letupan dan disambar kilat	✓	✓	X
	(vi) pecah cermin depan / belakang, tingkap atau tingkap bumbung matahari termasuk filem salutan / mewarna.	✓	✓	X
	(vii) pecah masuk, pecah rumah atau kecurian	✓	X	X
	(viii) perbuatan berniat jahat	✓	X	X
	(ix) semasa dalam transit (perlindungan terhad)			
7 ke 8	1. b. Apa yang tidak dilindungi (di bawah seksyen ini)	✓	✓	X
8 ke 9	2. Asas Penyelesaian (bagaimana kami menguruskan tuntutan anda)	✓	✓	X
9	3. Kos Menunda (ke bengkel pembaik kereta atau ke tempat yang selamat)	✓	✓	X
10 ke 11	Seksyen B: Liabiliti Terhadap Pihak Ketiga			
10	1. a. Apa yang Dilindungi (di bawah seksyen ini)	✓	✓	✓
10 ke 11	1. b. Apa yang Tidak Dilindungi (di bawah seksyen ini)	✓	✓	✓
11	2. Had Liabiliti Kami (had maksimum yang kami bayar)	✓	✓	✓
11	3. Perlindungan untuk Wakil Sah (sekiranya peserta meninggal dunia)	✓	✓	✓
11	4. Kos Guaman Maksimum (sekiranya diluluskan)	✓	✓	✓
11	5. Hak Tuntutan Balik	✓	✓	✓
12	Seksyen C: Diskaun Tanpa Tuntutan	✓	✓	✓
12 ke 14	Seksyen D: Pengecualian Am (apa yang tidak dilindungi dalam sijil ini)	✓	✓	✓
15 ke 18	Seksyen E: Syarat (terma yang mesti dipatuhi)	✓	✓	✓
19 ke 22	Seksyen F: Takrifan (penerangan perkataan berhuruf tebal)	✓	✓	✓
22 ke 23	Seksyen G: Endorsemen (terma tambahan yang dikenakan atau perlindungan tambahan jika anda telah membayar sumbangan tambahan)	✓	✓	✓
23 ke 30	Section H: Endorsemen (terma tambahan yang dikenakan atau perlindungan tambahan jika anda telah membayar sumbangan tambahan)	Pilihan	Pilihan	Pilihan

Kata kunci: ✓ = yang diguna pakai X = yang tidak diguna pakai

Apa yang tidak dilindungi oleh sijil ini?

Perkara ini dirujuk sebagai 'Pengecualian' dalam sijil anda dan terdapat tiga seksyen iaitu:

- i. Seksyen A 1b – lihat 'Apa yang Tidak Dilindungi' (halaman 7 hingga 8): terpakai untuk sijil Komprehensif sahaja.
- ii. Seksyen B 1b – lihat 'Apa yang Tidak Dilindungi' (halaman 10 hingga 11): terpakai untuk sijil Komprehensif, Pihak Ketiga, Kebakaran & Kecurian dan sijil Pihak Ketiga Sahaja.
- iii. Seksyen D – lihat 'Pengecualian Am' (halaman 12 ke 14): terpakai untuk sijil Komprehensif, Pihak Ketiga, Kebakaran & Kecurian dan sijil Pihak Ketiga Sahaja.

Secara am, terdapat tiga sebab mengapa kami mengenakan pengecualian ini di dalam Sijil asas Kereta Persendirian anda:

1. Perlindungan tidak disediakan untuk pengecualian ini. Anda perlu membayar sumbangan tambahan jika mana-mana pengecualian tersebut mahu dilindungi. Antara contoh pengecualian yang tidak dilindungi oleh Sijil asas Kereta Persendirian anda tetapi boleh dilindungi jika anda membayar sumbangan tambahan adalah:
 - i. banjir, ribut {lihat Seksyen A 1b 'Apa yang Tidak Dilindungi' (halaman 7)};
 - ii. mogok, rusuhan, kekacauan awam {lihat Seksyen D – 'Pengecualian Am 8b' (halaman 14)}; dan
 - iii. digunakan di luar Malaysia, Singapura atau Negara Brunei Darussalam {lihat Seksyen D – 'Pengecualian Am 6' (halaman 13)}.
2. Terdapat risiko-risiko lain yang tidak dilindungi oleh Sijil asas Kereta Persendirian atau mana-mana tambahan kepada Sijil seperti itu. Jika anda mahu perlindungan tambahan tersebut, kami terpaksa mengeluarkan Sijil lain. Contohnya, yang berikut tidak dilindungi oleh Sijil Kereta Persendirian anda tetapi ia boleh dilindungi oleh Sijil berbeza:
 - i. kenderaan membawa barang dagangan mestilah dilindungi oleh Sijil Kenderaan Komersial; dan kenderaan yang mengutip sewa atau tambang mestilah dilindungi oleh Sijil teksi atau kereta sewa.
 - ii. kenderaan yang mengutip sewa atau tambang mestilah dilindungi oleh Sijil teksi atau kereta sewa.
3. Kami tidak akan dan tidak boleh melindungi risiko tertentu secara keseluruhan. Antara contoh risiko seperti ini dapat dilihat dalam Seksyen D – 'Pengecualian Am' (halaman 12 hingga 14) contohnya:
 - i. perang, pembelahan nuklear atau pelakuran;
 - ii. risiko yang bertentangan dengan kerajaan/polisi awam atau undang-undang; dan
 - iii. menunggang dalam keadaan mabuk.

Bagaimana kereta anda boleh digunakan?

Memandangkan ini adalah Sijil Kereta Persendirian, kereta anda hanya boleh digunakan untuk tujuan "sosial, domestik dan bersukaria dan juga untuk urusan pemegang Sijil." Ini dinyatakan dengan jelas di dalam Sijil Insurans di bawah tajuk "Had Penggunaan".

Berikut adalah beberapa contoh bagaimana kereta anda boleh digunakan:

- i. untuk melawat saudara-mara dan kawan, pergi membeli-belah dsb.;
- ii. untuk urusan niaga terhad seperti pergi dan balik dari tempat kerja dan untuk berjumpa dengan para pelanggan.

Walau bagaimanapun, kami tidak memberi perlindungan, contohnya, jika kereta anda digunakan:

- i. sebagai teksi atau bas persendirian dengan mengenakan tambang untuk membawa penumpang;
- ii. sebagai kereta sewa dengan mengenakan sewa untuk menggunakan kereta anda;
- iii. untuk mengangkut barang berkaitan sebarang perniagaan atau urusan niaga selain membawa sampel barang. Anda mestilah membeli Sijil Kenderaan Perdagangan untuk tujuan kegunaan tersebut;
- iv. untuk perniagaan kenderaan (contohnya digunakan untuk memandu uji dan dipamerkan di bilik pameran);
- v. untuk berlatih atau mengambil bahagian dalam sebarang perlumbaan, rali, perentak perlumbaan (pace-making), ujian keandalan (reliability trial) atau ujian kelajuan;
- vi. digunakan di sebarang litar perlumbaan.

Siapa yang boleh memandu kereta anda?

1. Hampir sesiapa sahaja boleh memandu kereta anda selagi pemandu itu:

- i. mempunyai lesen yang sah bagi memandu kelas kereta yang berkenaan dan tidak hilang kelayakan memandu dari segi undang-undang atau kerana sebab-sebab lain {lihat pengecualian tentang Pemandu Tidak Berlesen dalam Seksyen D – 'Pengecualian Am 1' (halaman 12)};
- ii. mendapat kebenaran anda untuk memandu (lihat takrif Pemandu Dibenarkan pada halaman 19); dan
- iii. mematuhi semua terma dan syarat Sijil ini.

2. Jika anda atau pemandu dibenarkan tidak layak memandu atau memungkirkan mana-mana terma dan syarat, tuntutan anda mungkin ditolak. Jika kami terpaksa juga membayar, kami boleh menuntut semula wang yang telah dibayar serta perbelanjaan yang ditanggung oleh kami daripada anda atau pemandu dibenarkan.

Di wilayah manakah kereta anda dilindungi?

Takaful yang telah disertai ini hanya melindungi anda di Malaysia, Singapura dan Negara Brunei Darussalam tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Di samping itu, sila ambil perhatian bahawa jika anda ingin memandu Kereta anda ke Singapura, anda dikehendaki di bawah undang-undang Singapura untuk mempunyai Perlindungan Liabiliti Penumpang (PLP). Oleh kerana PLP tidak dilindungi oleh Sijil asas Kereta Persendirian, maka anda perlu menyertai Endorsemen C108, yang menyediakan perlindungan terhadap bagi liabiliti anda terhadap kematian atau kecederaan tubuh badan penumpang.

Bilakah perlindungan anda berkuat kuasa?

Takaful ini berkuat kuasa pada masa anda menyertai kontrak Takaful atau pada waktu mula berkuat kuasa yang dipersetujui, sehingga tarikh luput. Tempoh Takaful akan dicetak di dalam Jadual Sijil dan dokumen berkaitan. Jika terdapat sebarang perubahan pada tarikh tersebut, perubahan itu akan ditunjukkan secara rasmi di dalam Endorsemen yang kami keluarkan.

Berapakah nilai yang patut anda lindungi untuk motosikal di bawah Sijil Komprehensif atau Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian?

Sebagai langkah keselamatan, anda perlu melindungi kereta anda mengikut nilai pasaran semasa (lihat takrif pada halaman 21). Dalam erti kata lain, ini adalah kos semasa untuk menggantikan kereta anda dengan kereta yang sama buatan, model, usia dan kondisi. Amaun yang anda pilih untuk melindungi motosikal anda dikenali sebagai amaun dilindungi. Sila ambil perhatian bahawa anda boleh didenda sekiranya Kereta anda dilindungi pada amaun yang kurang daripada nilai pasaran sebenar (lihat Bahagian A2e – ‘Perlindungan Terkurang’ pada halaman 9).

Sebagai contoh, jika nilai pasaran motosikal anda ialah RM100,000 tetapi anda hanya melindunginya dengan harga RM80,000 maka anda boleh dihukum kerana Terkurang Perlindungan. Dengan mengandaikan kerugian dianggarkan pada RM5,000, bukannya kami membayar jumlah penuh, anda boleh diwajibkan untuk menanggung sebahagian daripada kerugian itu mengikut nisbah yang dilindungi seperti berikut:

$$\frac{\text{Amaun yang dilindungi}}{\text{Nilai Pasaran}} \times \text{Rugi} = \frac{\text{RM80,000}}{\text{RM100,000}} \times \text{RM5,000} = \text{RM4,000}$$

Oleh itu, **RM4,000** akan dibayar sementara baki RM1000 **akan ditanggung oleh anda sendiri**.

Anda hanya akan didenda seperti yang ditunjukkan di atas jika perbezaan di antara nilai pasaran kereta anda dengan jumlah perlindungan melebihi sepuluh peratus (10%). Sebaliknya, adalah tidak wajar untuk membuat perlindungan berlebihan kerana pengendali Takaful anda hanya akan membayar tuntutan berdasarkan nilai pasaran. Satu cara bagi mengatasi masalah perlindungan terkurang atau terlebih adalah dengan memilih jumlah perlindungan yang ditentukan oleh sistem penilaian nilai pasaran yang diluluskan oleh Pengendali Takaful Anda.

Apa itu Diskaun Tanpa Tuntutan (“No Claim Discount “NCD”)?

Ini merupakan suatu ganjaran yang diberi dalam bentuk diskaun jika anda tidak membuat tuntutan dalam tempoh Takaful sebelum ini (dengan syarat tempoh Takaful tersebut melebihi setahun). Skala NCD yang digunakan dinyatakan secara khusus di dalam sijil ini.

Anda boleh menyemak NCD berkenaan dengan kami atau melalui Pusat Pangkalan Data NCD (Central NCD Database (“CND”)) di <https://www.mycarinfo.com.my/> sebelum anda memperoleh Sijil Motosikal.

Apa itu Ekses?

Ini adalah amaun pertama yang anda perlu tanggung sendiri bagi setiap tuntutan yang kami luluskan, walaupun insiden itu bukan salah anda. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa ekses tersebut tidak akan dikenakan jika kerugian atau kerosakan yang dialami disebabkan kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah, kecurian, kerosakan harta benda pihak ketiga atau tuntutan kecederaan tubuh badan pihak ketiga. Sila semak Jadual Sijil anda untuk mengetahui amaun yang anda kena tanggung. Ini dirujuk sebagai Endorsemen 1 atau 2 di dalam Sijil anda.

Sebagai contoh, jika kami menilai tuntutan yang harus dibayar adalah sebanyak **RM10,000** tetapi sijil anda dikenakan ekses sebanyak **RM500**, anda perlu menanggung sendiri **RM500** yang pertama dan baki **RM9,500** akan dibayar.

Perkara yang Patut dan yang Tidak Patut Dilakukan – setelah anda mengalami kemalangan atau kecurian

1. Perkara yang Patut Dilakukan:

- i.** Hubungi **Perkhidmatan Tele Bantuan 24/7 jam** Kami di seluruh negara nombor Talian Bantuan kemalangan jalan raya Takaful **1-800-888-788** sekiranya anda memerlukan bantuan segera di jalan raya atau perkhidmatan trak tunda akibat kemalangan jalan raya, atau untuk membuat pertanyaan mengenai prosedur tuntutan;
- ii.** maklumkan kepada kami dengan segera tentang insiden yang boleh menimbulkan sebarang tuntutan;
- iii.** laporkan semua kemalangan kepada polis dalam tempoh 24 jam seperti mana yang dikehendaki oleh undang-undang;
- iv.** serahkan kepada kami dengan segera semua surat, tuntutan, writ, saman yang anda terima daripada pihak ketiga akibat insiden tersebut;
- v.** hantar kereta anda ke panel bengkel pembaikan yang diluluskan untuk dibaiki; dan
- vi.** isi dengan lengkap bahagian yang berkaitan dalam borang tuntutan – jangan tulis “rujuk pada laporan polis”.
- vii.** jika anda mempunyai perlindungan pihak ketiga yang melanggar kereta anda adalah jelas bersalah, anda dinasihatkan untuk membuat tuntutan kerosakan sendiri Knock for Knock (KfK) kepada kami untuk mempercepatkan proses tuntutan. Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) anda tidak akan terjejas dan anda boleh menuntut ekses yang anda telah bayar daripada syarikat Takaful/Insurans pihak ketiga.

2. Perkara yang Tidak Patut Dilakukan:

Jangan:

- i.** berunding, mengaku atau menolak sebarang tuntutan tanpa persetujuan kami (lihat Syarat 2 pada halaman 15); dan
- ii.** pembaikan dibuat tanpa persetujuan kami (lihat Syarat 2f pada halaman 16).

Syarat nombor 2 sijil anda (lihat halaman 15 dan 16) menerangkan dengan lebih terperinci mengenai perkara yang patut dilakukan dan perkara yang tidak patut dilakukan selepas berlakunya kemalangan atau kecurian.

SIJIL KERETA PERSENDIRIAN

Perjanjian Takaful

Anda seperti yang dinamakan di dalam **Jadual** bersetuju untuk menyertai Takaful *myMotor* Motosikal dan membayar sumbangan ke dalam **Dana Takaful Am ("DTA")** berdasarkan **Tabarru'**. **Anda** membenarkan **Kami** berdasarkan **Wakalah** untuk menguruskan **DTA** dan sebagai balasan, **Kami** akan menerima yuran **Wakalah**.

Anda juga bersetuju bahawa sebarang lebihan boleh agih yang timbul daripada **DTA** seperti yang ditentukan oleh **Kami** akan diagihkan sekurang-kurangnya lima puluh peratus (50%) kepada peserta yang layak berdasarkan **Hibah** dan baki lebihan boleh agih akan dibayar kepada **Kami** sebagai insentif prestasi berdasarkan **Ju'alah**. Jika **DTA** mengalami defisit, **Anda** bersetuju untuk menerima pinjaman tanpa manfaat yang akan **Kami** berikan kepada **DTA** berdasarkan **Qard**.

- A.** Jika **Kereta Anda** digunakan untuk bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, perkara di bawah akan diguna pakai:

Kontrak Takaful Pengguna

Sijil Takaful (ST) ini dikeluarkan berdasarkan:

- i. bayaran sumbangan sebagaimana yang dinyatakan dalam **Jadual Takaful** kepada **DTA** di bawah prinsip **Tabarru'** untuk membantu Peserta lain dalam acara bagaimana yang ditakrifkan dalam **Sijil** ini;
- ii. jawapan yang **Anda** berikan pada Borang Permohonan (atau semasa **Anda** memohon **Takaful** ini); dan

sebarang pendedahan yang **Anda** buat semasa tempoh penyerahan Borang Permohonan (atau semasa **Anda** memohon **Takaful** ini) dan waktu **Sijil** ini mula berkuat kuasa. Jawapan dan sebarang pendedahan lain yang **Anda** berikan akan menjadi sebahagian daripada **Sijil Takaful** ini antara **Anda** dan **Kami**. Walau bagaimanapun, jika berlaku sebarang salah nyata bersabit jawapan **Anda** atau apa-apa pendedahan lain yang **Anda** berikan di peringkat pra-sijil, hanya remedi dalam **Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013** yang akan diguna pakai.

Ini merupakan tanggungjawab **Kami** dalam menguruskan **DTA** bagi pihak Peserta di bawah prinsip **Wakalah**.

Sijil ini merujuk kepada terma dan syarat bagi **Sijil Takaful** yang dipersetujui antara **Anda**, **Kami** dan para peserta **DTA**.

- B.** Jika **Kereta Anda** digunakan untuk bagi tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, perkara berikut akan diguna pakai:

Kontrak Takaful Komersial

Sijil ini dikeluarkan berdasarkan:

- i. bayaran sumbangan sebagaimana yang dinyatakan dalam **Jadual Takaful** kepada **DTA** di bawah prinsip **Tabarru'** untuk membantu Peserta lain dan menjadi tanggungjawab **Kami** dalam menguruskan **DTA** bagi pihak Peserta di bawah prinsip **Wakalah**;
- ii. berdasarkan jawapan yang **Anda** berikan pada Borang Permohonan (atau semasa **Anda** memohon **Takaful** ini); dan

pendedahan lain yang **Anda** buat dalam tempoh Borang Permohonan diserahkan (atau semasa **Anda** memohon **Takaful** ini) dan waktu **Sijil** ini mula berkuat kuasa. Jawapan serta apa-apa pendedahan lain yang **Anda** berikan akan menjadi sebahagian daripada **Sijil Takaful** antara **Anda** dan **Kami**. Sekiranya berlaku sebarang salah nyata berhubung jawapan **Anda** atau sebarang pendedahan lain yang **Anda** berikan di peringkat pra-sijil, ini boleh menyebabkan pengelakan **Sijil Takaful Anda**, penolakan atau pengurangan tuntutan **Anda**, penukaran terma atau penamatan **Sijil Takaful Anda**.

Ini merupakan tanggungjawab **Kami** dalam menguruskan **DTA** bagi pihak peserta di bawah prinsip **Wakalah**. **Sijil** ini merujuk kepada terma dan syarat **Sijil Takaful** yang dipersetujui antara **Anda**, **Kami** dan peserta lain.

Seksyen A: Kerugian atau Kerosakan Pada Motosikal Anda

Seksyen ini menerangkan perlindungan di bawah Seksyen A dan hanya terpakai sekiranya **Anda** mempunyai Perlindungan Komprehensif.

1a: Apa yang dilindungi

Pampasan akan dibayar sekiranya **Kereta Anda** hilang atau rosak dalam **Tempoh Takaful** akibat **Insiden** berikut:

- (i) perlanggaran atau terbalik akibat kemalangan;
- (ii) perlanggaran atau terbalik akibat kerosakan mekanikal;
- (iii) perlanggaran atau terbalik akibat haus dan lusuh;
- (iv) kerosakan akibat dihempap oleh objek yang jatuh dengan syarat tiada penglibatan konvulsi alam semula jadi;
- (v) kebakaran, letupan atau disambar kilat;
- (vi) pecah cermin depan / belakang, tingkap atau tingkap bumbung matahari termasuk filem salutan / mewarna jika ada;

Walau bagaimanapun NCD akan terjejas jika **Anda** membuat tuntutan pecah cermin depan / belakang, tingkap atau tingkap bumbung matahari tanpa memperolehi **Endorsemen C089** terlebih dahulu.

- (vii) pecah masuk, pecah rumah atau kecurian;
- (viii) perbuatan niat jahat; atau
- (ix) semasa dalam transit, iaitu dibawa dari satu tempat ke tempat yang lain (termasuk ketika punggah memunggah) daripada **Kereta Anda** melalui:
 - a. **Jalan raya**;
 - b. Kereta api;
 - c. Laluan air di kawasan pedalaman, iaitu dengan menyeberangi sungai, terusan dsb.; atau
 - d. Menyeberangi laut dengan menaiki feri atau kapal atau mana-mana kapal pelaut dll. antara Pulau Pinang dan tanah besar sahaja.

1b: Apa yang tidak dilindungi

Insiden yang tidak dilindungi merupakan pengecualian yang tersenarai di bawah. Pengecualian ini khusus untuk Seksyen A dan adalah tambahan kepada pengecualian yang tersenarai dalam Seksyen D dan Endorsemen yang berkaitan.

Kami tidak akan membayar kerugian berikut:

(i) **Kerugian Berturutan**

Sebarang jenis kerugian secara langsung atau tidak langsung yang mungkin timbul akibat daripada sebarang **Insiden** selain yang dinyatakan di bawah Seksyen A2.

(ii) **Hilang Kepenggunaan**

Sebarang perbelanjaan atau kerugian kewangan yang mungkin **Anda** tanggung kerana **Anda** tidak dapat menggunakan **Kereta** sebagai contoh kos menyewa kereta ganti, tambang pengangkutan dsb.

Dengan membayar Sumbangan tambahan, **Sijil Anda** boleh diperluaskan untuk bayaran harian bagi tempoh yang dipersetujui. (**Endorsemen C112**)

(iii) **Susut Nilai**

Kereta Anda hilang nilai akibat kerosakan yang dialami atau jangka masa yang diambil untuk membaiki Motosikal, dan/ atau sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku dalam tempoh yang berpanjangan akibat haus dan lusuh, karat dan hakisan.

(iv) **Kerosakan atau Malfungsi Peralatan**

Sebarang malfungsi mekanikal, elektrik atau elektronik, peralatan atau komputer, atau sebarang kegagalan atau kerosakan terhadap **Kereta Anda**.

(v) **Kerosakan pada Tayar**

Sebarang kerosakan pada tayar **Kereta Anda** kecuali jika bahagian-bahagian lain pada **Kereta Anda** juga turut rosak pada masa yang sama.

(vi) **Konvulsi Alam Semula Jadi**

Sebarang kerugian atau kerosakan pada **Kereta Anda** akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan; atau konvulsi alam.

(vii) Ekses

Amaun **Ekses** yang dinyatakan di dalam **Jadual**. Ini adalah amaun pertama yang perlu **Anda** tanggung bagi setiap tuntutan di bawah **Sijil** ini.

(viii) Kehilangan Data Elektronik

Kehilangan data elektronik dan sebarang akibat yang timbul, secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau berkait dengan virus komputer. Ini juga termasuk hilang kepenggunaan, berkurangan fungsi atau sebarang kerugian atau perbelanjaan yang berkaitan dengan data elektronik.

(ix) Penipuan atau Jenayah Pecah Amanah

Sebarang kerugian atau kerosakan, termasuk kecurian yang disebabkan atau berpunca daripada perbuatan Penipuan atau **Jenayah Pecah Amanah** oleh sesiapa sahaja.

2. Asas Penyelesaian Tuntutan

Seksyen ini menerangkan bagaimana **Kami** menyelesaikan tuntutan **Anda** setelah **Kami** memutuskan bahawa tuntutan tersebut layak dibayar di bawah Seksyen A. Sekiranya **Kereta Anda** rosak akibat sebarang **Insiden**, **Kami** mempunyai pilihan untuk melakukan seperti berikut:

a. Jika Kereta Anda Boleh Dibaiki

Jika pada pendapat **Kami Kereta Anda** adalah menjimatkan untuk dibaiki, **Kami** mempunyai pilihan untuk:

- i. mengatur supaya **Kereta Anda** dibaiki oleh **Bengkel** yang **Kami** luluskan dan membayar kos membaiki **Kereta Anda** supaya sehampir mungkin berada dalam keadaan seperti sediakala seperti mana sebelum berlakunya kerosakan;
- ii. **Kami** membayar Anda secara tunai dengan anggaran jumlah yang sewajarnya untuk membaiki **Kereta Anda**; atau
- iii. mengembalikan atau menggantikan **Kereta Anda** dengan **Kereta** yang sama buatan, model, usia dan keadaan umumnya.

b. Jika Kereta Anda Tidak Boleh Dibaiki

Jika pada pendapat **Kami**, kerosakan pada **Kereta Anda** sangat teruk dan tidak selamat atau tidak murah untuk dibaiki, **Kami** akan mengisytiharkan **Kereta Anda** sebagai “Tidak Berhemat untuk Dibaiki” (“Beyond Economic Repair” atau (“BER”)) dan **Anda** akan dibayar amaun maksimum seperti yang dinyatakan pada perenggan (d) di bawah atau menawarkan **Anda** amaun penyelesaian yang setara dengan Nilai Pasaran. **Kami** juga boleh memilih untuk menggantikan **Kereta Anda** dengan kereta yang sehampir sama buatan, model, usia dan keadaan umumnya. Jika **Kami** mengambil mana-mana tindakan, **Sijil** ini akan tamat secara automatik setelah **Kami** membuat pembayaran.

Dalam keadaan di mana jurang perbezaan penilaian **Nilai Pasaran** oleh pemegang francais lebih daripada sepuluh peratus (10%), **Kami** juga mempunyai pilihan untuk menawarkan nilai penyelesaian yang sama dengan kos menggantikan **Kereta** dengan buatan, model, dan usia yang sama pada masa kerugian berlaku. Adalah pilihan **Kami** untuk menawarkan kepada **Anda** penggantian Kereta, sekiranya **Anda** tidak bersetuju dengan tawaran tersebut.

c. Penggantian Alat Ganti

Jika alat ganti atau **Aksesori** yang diperlukan untuk membaiki **Kereta Anda** tidak terdapat di Malaysia, atau sekiranya **Kami** memilih untuk membayar kerugian atau kerosakan tersebut secara tunai, **Kami** akan selesaikan tuntutan **Anda** berdasarkan berikut:

- i. Mengikut senarai harga terakhir yang dikeluarkan di Malaysia oleh pengilang atau ejen mereka. Jika senarai harga tidak wujud di Malaysia, **Kami** akan menggunakan harga di kilang pengeluaran dan ditambah dengan kos pengangkutan yang munasabah ke Malaysia (tetapi bukan kos kargo udara); dan
- ii. Kos buruh yang munasabah untuk memasang alat ganti atau **Aksesori** di Malaysia.

d. Amaun Maksimum yang Akan Dibayar kepada Anda

Jika **Kereta Anda** merupakan ("BER") atau dicuri dan tidak dijumpai semula, amaun yang boleh dibayar di bawah **Sijil** ini adalah mengikut **Nilai Pasaran** pada masa kerugian atau **Amaun Dilindungi** seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual**, mengikut mana yang lebih rendah. Setelah **Kami** membayar amaun tersebut, **Sijil** ini akan ditamatkan secara automatik. **Nilai pasaran** akan ditentukan mengikut klausa 16 dan 17 Seksyen F.

Nilai Pasaran akan ditentukan mengikut Fasal 14 dan 15 Seksyen F.

e. Perlindungan Terkurang

Jika **Amaun Dilindungi** bagi **Kereta Anda** didapati kurang daripada **Nilai Pasaran** pada masa berlakunya kerugian, **Kami** hanya akan menanggung sebahagian kerugian setimpal dengan perbezaan antara **Nilai Pasaran** dan **Amaun Dilindungi** mengikut formula di bawah:

$$\frac{\text{Amaun Dilindungi}}{\text{Nilai Pasaran}} \times \text{Kerugian Dinilai}$$

Bakinya hendaklah ditanggung oleh **Anda** sendiri. Walau bagaimanapun, ini hanya akan dikenakan sekiranya amaun perlindungan adalah melebihi 10% daripada **Nilai Pasaran**.

f. Penambahbaikan

Jika alat ganti asli baharu yang digunakan untuk membaiki **Kereta Anda** menyebabkan **Kereta Anda** berada dalam keadaan yang lebih baik daripada keadaan sebelum kerosakan berlaku, **Anda** perlu menyumbang terhadap penambahbaikan itu, dengan menanggung sebahagian kos alat ganti baharu dan asli tersebut. Skala sumbangan **Anda** adalah seperti berikut:

Usia Kereta Anda (Tahun)	Kadar Penambahbaikan (%)
Kurang daripada 5	0
5	15
6	20
7	25
8	30
9	35
10 dan ke atas	40

Bagi menentukan kadar penambahbaikan yang diguna pakai, usia **Kereta Anda** akan dihitung berdasarkan tahun pada asalnya **Kereta** itu didaftarkan di Malaysia:

a. sebagai kereta pemasangan tempatan	Tarikh Pendaftaran Asal
b. sebagai kereta import baharu unit siap pasang (CBU)	Tahun Buatan
c. sebagai kereta import terpakai/ telah digunakan/ disesuaikan	Tahun Buatan

3. Kos Tundaan

Jika **Kereta Anda** tidak boleh ditunggang disebabkan oleh kerosakan yang dilindungi di bawah **Sijil** ini, amaun maksimum sehingga RM50 akan dibayar bagi kos yang munasabah untuk menunda **Kereta Anda** ke **Bengkel Pembaikan Yang Diluluskan** terdekat yang diluluskan atau ke tempat simpanan yang selamat sementara menunggu **Kereta Anda** dibaiki atau diluluskan.

Seksyen B: Liabiliti Terhadap Pihak Ketiga

Seksyen ini menerangkan tentang apa yang akan dilindungi dan apa yang tidak dilindungi di bawah Seksyen B.

1a: Apa yang Dilindungi?	1b: Apa yang Tidak Dilindungi?
Anda dan/atau Pemandu Sah Anda akan dibayar ganti rugi dengan amaun yang sah mengikut undang-undang terhadap mana-mana pihak ketiga (termasuk kos dan perbelanjaan pihak ketiga) atas sebab: (i) kematian atau kecederaan tubuh pada mana-mana orang melainkan mereka yang dikecualikan secara khusus di bawah Sijil ini; dan/atau (ii) kerosakan harta benda melainkan mereka yang dikecualikan secara khusus di bawah Sijil ini akibat daripada Insiden yang timbul daripada penggunaan Kereta Anda di Jalan Raya. Perlindungan ini dilanjutkan kepada Pemandu Sah Anda dengan syarat Pemandu Sah Anda juga mematuhi semua terma dan syarat Sijil ini. 2: Had Liabiliti Kami Kami akan membayar perkara berikut untuk mana-mana satu tuntutan, atau siri tuntutan yang timbul daripada satu Insiden, dalam mana-mana satu Tempoh Takaful: (i) kematian atau kecederaan tubuh badan pihak ketiga - tidak terhad; (ii) kerosakan harta pihak ketiga sehingga RM3,000,000 had maksimum. <i>Dengan membayar Sumbangan tambahan, had liabiliti untuk kerosakan harta pihak ketiga boleh diperluaskan sehingga RM20 juta (Endorsemen C105).</i> 3: Perlindungan untuk Wakil Sah Di sisi Undang-undang Berikutan kematian bagi mereka yang dilindungi di bawah Sijil ini, Kami akan menanggung rugi wakil sah di sisi undang-undang orang tersebut bagi liabiliti yang dilindungi di bawah Seksyen ini, dengan syarat wakil berkenaan mematuhi semua terma dan syarat Sijil. 4: Kos Guaman Jika Anda atau Pemandu Sah Anda diadapakan pertuduhan menunggang secara melulu dan berbahaya atau menunggang secara cuai atau tidak bertimbang rasa di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau sebarang kesalahan yang berkaitan dengan Insiden tersebut, kos guaman yang ditanggung akan dibayar sehingga amaun maksimum RM2,000 untuk membela Anda atau Penumpang Sah Anda asalkan kos tersebut ditanggung di Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam dan persetujuan bertulis daripada Kami telah diperolehi terlebih dahulu.	Pengecualian ini khusus untuk Seksyen B dan tambahan kepada pengecualian yang dinyatakan dalam Seksyen D dan manamana Endorsemen yang berkenaan. Kami tidak akan bayar untuk: (i) kematian atau kecederaan tubuh pada mana-mana Penumpang yang dibawa untuk tujuan sewa atau ganjaran; (ii) kematian atau kecederaan badan pada mana-mana orang yang berpunca daripada dan semasa orang tersebut bekerja oleh Anda atau Pemandu Sah Anda; Di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Sijil ini tidak perlu melindungi, kecuali dalam keadaan di mana kenderaan motor yang membawa penumpang untuk sewa, upah, atau disebabkan oleh atau menurut suatu kontrak pekerjaan, liabiliti berkenaan dengan kematian atau kecederaan tubuh badan yang dialami oleh orang yang dibawa di dalam atau di atas kenderaan itu atau yang memasuki atau menaiki atau turun daripadanya semasa berlakunya kejadian itu yang menyebabkan timbulnya tuntutan tersebut; Semasa dalam pekerjaan – Mereka yang cedera/mati (sama ada sebagai Penumpang atau sebaliknya) semasa bekerja dan di atas Kereta tersebut merupakan sebahagian daripada pekerjaannya cth. mekanik dll. (iii) kerosakan terhadap harta benda kepunyaan, atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada Anda atau Pemandu Sah Anda dan/atau Ahli Keluarga Anda atau Ahli Keluarga Pemandu Sah Anda; (iv) liabiliti kepada sesiapa sahaja yang dibawa atau menunggang atau turun dari Kereta Anda kecuali mereka yang dikehendaki dibawa dengan sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya dengan Anda atau Pemandu Sah Anda dan/ atau majikannya; Mengikut kontrak pekerjaan – Pembonceng perlu dibawa ke satu destinasi bagi menjalankan tugas seperti yang diperuntukkan di dalam kontrak pekerjaan.

Kami hanya akan membayar kos guaman. Sebarang penalti yang dikenakan terhadap **Anda** atau **Pemandu Sah Anda** tidak akan dibayar.

5: Hak Tuntutan Balik

Kami berhak menolak daripada membayar sebarang indemniti kepada **Anda** atau **Pemandu Sah Anda** jika salah seorang daripada **Anda** melanggar mana-mana syarat **Sijil** atau di mana tuntutan tersebut berada di luar skop perlindungan yang disediakan oleh **Kami** di bawah **Sijil** ini. Walau bagaimanapun, jika **Kami** dikehendaki dari segi undang-undang untuk membayar sebarang jumlah penghakiman berkaitan dengan sesuatu tuntutan di bawah Seksyen B **Sijil** oleh undang-undang yang dikuatkuasakan di Malaysia, Republik Singapura, atau Negara Brunei Darussalam yang jika tidak kerananya **Kami** tidak perlu membayarnya, **Kami** berhak meminta **Anda** atau **Pemandu Sah Anda** membayar balik kepada **Kami** amaun yang dibayar termasuk kos yang berkaitan dengan tuntutan tersebut.

Liabiliti terhadap Penumpang selain daripada:

- Penumpang** yang dibawa untuk tujuan sewa dan mengutip tambang;
- Pekerja yang sedang melaksanakan pekerjaan; atau
- Anda** atau **Ahli Keluarga Pemandu Sah** Anda kecuali dia terpaksa dibawa memandu **Kereta Anda** untuk menjalankan tugas seperti yang diperuntukkan dalam kontrak pekerjaan; boleh dilindungi secara berasingan dengan sumbangan tambahan di bawah **Endorsemen C100**. Jika **Anda** telah mempunyai **Endorsemen** ini, **Anda** perlu merujuk kepada teks penuh **Endorsemen C100: Liabiliti di sisi Undang-undang terhadap penumpang** mengenai apa yang dilindungi atau dikecualikan serta syarat yang terpakai untuk **Endorsemen** ini.

- (v) liabiliti disebabkan oleh **Penumpang** yang menunggang naik atau turun dari **Kereta Anda**;

Liabiliti bagi kemalangan yang disebabkan oleh penumpang Anda boleh dilindungi secara berasingan dengan sumbangan tambahan di bawah **Endorsemen C072**. Jika **Anda** mempunyai **Endorsemen** ini, **Anda** perlu merujuk kepada teks penuh **Endorsemen C072: Liabiliti di sisi Undang-undang kerana Perbuatan Cuai** mengenai apa yang dilindungi atau dikecualikan serta syarat yang terpakai untuk **Endorsemen** ini

- (vi) segala tuntutan yang dibawa terhadap **Anda** oleh mana-mana **Penunggang Motosikal Anda**, sama ada yang sah ataupun tidak;
- (vii) sebarang tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam; dan/ atau
- (viii) Segala kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak bertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.

Seksyen C: Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)

Seksyen ini menerangkan sistem ganjaran yang dikenali sebagai “Diskaun Tanpa Tuntutan” (*No Claim Discount* (“NCD”).

1. Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)

Jika **Anda** telah melindungi **Kereta Anda** selama 12 bulan secara berterusan dan **Anda** atau orang lain tidak membuat sebarang tuntutan terhadap **Sijil** ini dalam tempoh tersebut, NCD akan diberikan setiap kali **Sijil** diperbaharui. NCD akan meningkat selepas setiap pembaharuan jika **Anda** berterusan bebas dari sebarang tuntutan mengikut peratusan berikut:

Takaful Bebas Tuntutan Mengikut Tahun	Kelayakan NCD (%)
Selepas 1 tahun berterusan tanpa tuntutan	25
Selepas 2 tahun berterusan tanpa tuntutan	30
Selepas 3 tahun berterusan tanpa tuntutan	38 1/3
Selepas 4 tahun berterusan tanpa tuntutan	45
Selepas 5 tahun berterusan tanpa tuntutan dan seterusnya	55

2. Satu Tuntutan dan NCD Anda Menjadi Sifar

Jika **Anda** atau sesiapa yang mengalami suatu **Insiden** yang menyebabkan tuntutan terhadap **Sijil**, kelayakan NCD yang **Anda** kumpul akan menjadi sifar semasa pembaharuan seterusnya dan proses mengumpul NCD **Anda** terpaksa dimulakan semula. Jika suatu tuntutan diterima selepas NCD diberikan, **Kami** berhak menuntut semula daripada **Anda** NCD yang telah diberikan.

3. Pengecualian Bagi Peraturan Ini

NCD **Anda** tidak akan terjejas walaupun tuntutan dibuat jika:

- Kami** berpendapat bahawa **Anda** tidak bersalah dalam menyebabkan kerugian tersebut;
- kenderaan yang bersalah itu dikenal pasti dan bukan kenderaan yang digunakan untuk membawa penumpang bagi tujuan sewa atau mengutip tambang (contohnya teksi, kereta sewa, bas awam, bas henti-henti, bas sekolah dan bas kilang untuk disewa);
- kenderaan yang bersalah itu dilindungi oleh pengendali **Takaful**/Syarikat Insurans berlesen di Malaysia; dan
- tiada tuntutan kematian atau kecederaan tubuh badan terlibat.

4. NCD Anda Tidak Boleh Dipindah Milik

NCD adalah hak peribadi **Anda** dan ini bermakna jika **Anda** menjual **Kereta Anda** dan **Kami** bersetuju untuk memindahkan **Sijil** ini kepada pemilik baharu, NCD **Anda** tidak boleh dipindahkan bagi manfaat pemilik baharu itu.

5. NCD Anda Tidak Digunakan

Setiap tahun di mana NCD tidak digunakan oleh **Anda**, NCD yang terkumpul itu dan diguna pakai untuk **Sijil** ini akan berkurangan setiap tahun ia tidak digunakan mengikut skala tertera di jadual dalam klausa C1 di atas.

Seksyen D: Pengecualian Am – Diguna Pakai bagi Keseluruhan Sijil

Seksyen ini menyenaraikan keadaan yang tidak dilindungi oleh **Sijil** ini ketika berlaku **Insiden**. Ini merupakan pengecualian tambahan yang telah disenaraikan dalam Seksyen A1b (lihat halaman 7 hingga 8) dan B1b (lihat halaman 10 hingga 11).

1. Pemandu Tanpa Lesen

Sijil ini tidak memberi perlindungan jika **Anda** atau **Pemandu Sah Anda** tidak mempunyai lesen yang sah untuk menunggang **Kereta Anda**. Pengecualian ini tidak dapat dikuatkuasakan sekiranya **Anda** atau **Pemandu Sah Anda** memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan yang ada.

2. **Pengaruh Arak, Dadah dan Bahan-bahan Lain yang Memabukkan**

Sijil ini tidak memberi perlindungan jika **Anda** atau **Pemandu Sah Anda** memandu di bawah pengaruh alkohol atau minuman keras yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga **Anda** atau **Penunggang Sah Anda** tidak dapat mengawal **Kereta Anda** dengan baik.

Anda atau **Pemandu Sah Anda** akan dianggap tidak dapat mengawal **Kereta Anda** dengan sewajarnya jika selepas toksikologi atau ujian setara dengannya, menunjukkan bahawa tahap alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing **Anda** atau **Pemandu Sah Anda** lebih tinggi daripada had yang ditetapkan menurut Seksyen 45G (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 daripada 80mg alkohol di dalam 100ml darah (atau setara bagi nafas atau air kencing) atau apa sahaja undang-undang yang sedang berkuat kuasa pada masa itu.

3. **Tuntutan Palsu dan Melampau**

Sebarang tuntutan palsu atau yang sengaja dilebih-lebihkan secara menipu, atau jika **Anda** atau sesiapa yang bertindak bagi pihak **Anda**, menggunakan cara palsu bagi mendapatkan sebarang manfaat di bawah **Sijil** ini, keseluruhan tuntutan tidak akan dibayar atau berbayar. Jika **Kami** terpaksa juga membuat bayaran bagi sebarang tuntutan kepada pihak ketiga, **Kami** berhak menuntut kembali jumlah yang telah dibayar dan apa-apa kos yang ditanggung daripada **Anda**.

4. **Tujuan yang Menyalahi Undang-undang**

Sijil ini tidak memberi perlindungan jika **Anda** atau **Pemandu Sah Anda** menggunakan **Kereta Anda** untuk tujuan yang menyalahi undang-undang atau cuba menyalahi undang-undang, iaitu, melanggar undang-undang jenayah atau undang-undang yang diiktiraf oleh negara di mana **Kereta Anda** digunakan.

5. **Kegunaan untuk Berlumba dsb**

Sijil ini tidak memberi perlindungan sekiranya **Anda** menggunakan atau mengizinkan **Pemandu Sah Anda** untuk menggunakan **Kereta Anda**:

- a. untuk berlatih atau untuk mengambil bahagian dalam mana-mana sukan bermotor, pertandingan (selain acara mencari harta karun) rali, perentak perlumbaan (*pacemaking*), ujian keandalan (*reliability trial*) atau ujian kelajuan; atau
- b. di mana-mana litar perlumbaan.

6. **Kegunaan di Luar Malaysia**

Kecuali **Kami** setuju sebaliknya, **Takaful** ini tidak melindungi **Anda** terhadap tuntutan yang timbul semasa **Kereta Anda** digunakan atau dipandu di luar Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam. Di Malaysia, liabiliti **Kami** di bawah **Sijil** ini tertakluk pada Akta Pengangkutan Jalan 1987 serta terma dan syarat **Sijil** ini dan liabiliti **Kami** di luar Malaysia adalah tertakluk pada terma dan syarat **Sijil** ini sahaja.

Dengan membayar sumbangan tambahan, **Sijil Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi penggunaan **Kereta Anda** di Thailand atau Kalimantan sahaja jika **Anda** peroleh perlindungan lanjutan yang ditetapkan. (**Endorsemen C101 dan C102**).

7. **Gagal dalam Mengambil Langkah Pencegahan**

Sebarang bayaran tambahan tidak akan dibayar jika selepas suatu **Insiden** atau kerosakan:

- a. **Anda** membiarkan **Kereta Anda** tidak dijaga atau gagal mengambil langkah sewajarnya untuk mencegah kerugian atau kerosakan tambahan; atau
- b. **Anda** terus menunggang **Kereta Anda** dalam keadaan yang tidak wajar digunakan sebelum melakukan sebarang pembaikan.

Kami juga tidak akan membayar mana-mana tuntutan yang timbul jika semasa menggunakan **Kereta Anda**, **Anda** tidak mengambil tindakan munasabah bagi memastikan keselamatan **Kereta Anda**. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada membiarkan **Kereta Anda** tanpa pengawasan dengan kuncinya berada di **Kereta Anda**.

8. **Risiko Peperangan**

Sijil ini tidak memberi perlindungan bagi apa-apa kerugian atau liabiliti (termasuk kos membela sebarang tindakan) dalam apa juga cara, sama ada secara langsung atau tidak berkaitan:

- a. peperangan, penaklukan, tindakan musuh luar negara, permusuhan atau operasi seakan-akan peperangan (sama ada peperangan yang diisytiharkan ataupun tidak) perang saudara, **Tindakan Keganasan**, dahagi, pemberontakan atau revolusi; atau

- b. mogok, rusuhan atau kekacauan awam yang meningkat hingga boleh dikatakan sebagai suatu pemberontakan atau revolusi atau rampasan kuasa tentera.

Untuk sebarang sumbangan tambahan, **Sijil Anda** boleh dilanjutkan bagi melindungi daripada mogok, rusuhan dan kekacauan awam (**Endorsemen C025**).

9. **Risiko Nuklear**

Sijil ini tidak memberi perlindungan bagi apa-apa kemalangan, kerugian atau kerosakan terhadap sebarang harta benda atau sebarang kerugian atau liabiliti berpunca dari (termasuk kerugian turutan serta kos untuk membela sebarang tindakan) yang berkaitan dalam apa juga cara dengan pengendalian yang menggunakan pembelahan nuklear atau proses gabungan, atau semasa mengendalikan bahan radioaktif. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- a. penggunaan reaktor nuklear seperti longgokan atom, pemecut zarah atau generator dan alat-alat yang serupa dengannya;
- b. penggunaan, pengendalian atau pengangkutan bahan radioaktif yang berkaitan dengan sebarang **Tindakan Keganasan**;
- c. penggunaan, pengendalian atau pengangkutan apa-apa senjata atau alat letupan yang menggunakan pembelahan nuklear atau proses gabungan; atau
- d. penggunaan, pengendalian atau pengangkutan bahan radioaktif.

10. **Konvulsi Alam Semula jadi**

Sijil ini tidak memberi perlindungan (kecuali disertai secara khusus) bagi sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah/bumi atau bencana alam yang lain.

Untuk sumbangan tambahan, **Sijil Anda** boleh dilanjutkan bagi melindungi **Anda** daripada banjir, taufan, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah dsb. (**Endorsemen C057**).

11. **Liabiliti Berkontrak**

Sebarang liabiliti yang timbul berdasarkan perjanjian tidak akan dibayar berdasarkan perjanjian tetapi yang mana **Kami** tidak akan bertanggungjawab sekiranya perjanjian itu tidak wujud.

12. **Pemandu yang Tidak Sah**

Sebarang **Insiden**, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan, dialami atau ditanggung semasa **Kereta Anda**, yang berkenaan dengan indemniti disediakan oleh **Sijil** ini, sedang ditanggung oleh mana-mana orang selain daripada **Pemandu Sah Anda** atau orang yang menunggang atas arahan atau dengan kebenaran **Anda**.

13. **Pengecualian Penyakit Berjangkit**

13.1 Walau apa pun peruntukan, klausa atau istilah sebaliknya di dalam **Sijil** ini dan/ atau mana-mana **Endorsemen**, **Sijil** ini tidak termasuk sebarang kerugian, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos, perbelanjaan atau jumlah lain dalam apa jua bentuk sekalipun, secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh Penyakit Berjangkit atau ketakutan atau ancaman (sama ada sebenar atau yang dirasakan) Penyakit Berjangkit tanpa mengira apa-apa sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau dalam urutan lain.

13.2 Seperti yang dinyatakan di sini:

13.2.1 "Penyakit Berjangkit" bermaksud apa-apa wabak yang merebak, bermutasi dll yang boleh dihantar melalui apa-apa bahan atau agen daripada mana-mana organisma kepada organisma yang lain, tetapi tidak terhad kepada:

13.2.1.1 bahan atau agen itu termasuk, tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit, organisma atau patogen lain atau sebarang variasi daripadanya, sama ada dianggap hidup atau tidak, dan

13.2.1.2 kaedah transmisi, sama ada secara langsung atau tidak langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada, transmisi melalui udara, transmisi cecair badan, transmisi dari atau ke mana-mana permukaan atau objek, pepejal, cecair atau gas atau antara organisma.

13.2.2 "disebabkan oleh" membawa maksud berkait kepada; mempunyai hubungan dengan; muncul daripada; hasil daripada; berpunca daripada; kesannya atau segala istilah yang biasa digunakan/ atau mudah difahami untuk menunjukkan atau menggambarkan perhubungan dan/ atau antara satu sama lain sama ada secara langsung atau tidak.

Seksyen E: Syarat – Diguna Pakai Bagi Keseluruhan Sijil

Seksyen ini menerangkan terma dan syarat yang perlu **Anda** teliti bagi memastikan **Takaful** ini kekal berkesan. Pada asasnya, syarat ini terdiri daripada tiga jenis:

1. Apa yang **Anda** mesti lakukan;
2. Apa yang **Anda** tidak boleh lakukan;
3. Apa yang **Kami** boleh lakukan.

Pra-syarat Terdahulu Terhadap Liabiliti Sijil

Syarat-syarat berikut adalah syarat terdahulu kepada liabiliti **Kami** untuk membayar kepada **Anda** sebarang indemniti di bawah **Sijil** ini dan perlu dipatuhi oleh **Anda** dengan ketat. **Kami** berhak menolak **Sijil** ini dan/ atau tidak akan membayar tuntutan di bawah **Sijil** ini, sekiranya **Anda** melanggar mana-mana syarat. **Pemandu Sah Anda** dan mana-mana wakil yang sah dari segi undang-undang yang mahu mendapatkan indemniti di bawah **Sijil** ini tertakluk pada syarat yang sama.

1. Kewajipan Pendedahan

Kewajipan pendedahan ini adalah berlainan untuk Kontrak **Takaful** Pengguna dan untuk Kontrak **Takaful** Komersial. Keduaduanya dinyatakan berasingan seperti di bawah:

A. Kontrak Takaful Pengguna

Jika **Takaful** yang **Anda** pohon ini tidak berkait sama sekali dengan kegiatan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** bertanggungjawab untuk tidak membuat kesilapan semasa menjawab soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa **Anda** membuat permohonan **Takaful** ini) iaitu, **Anda** sepatutnya menjawab semua soalan dengan tepat dan sepenuhnya. Kegagalan dalam menjawab sebarang soalan boleh menyebabkan pengelakan kontrak **Takaful**, penolakan atau pengurangan tuntutan **Anda**, perubahan terma atau penamatan kontrak **Takaful** **Anda** mengikut remedi-remedi yang diperuntukkan dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan sebarang perkara yang relevan kepada **Kami** dalam membuat keputusan untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu **Kami** serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak **Takaful** **Anda** berkuat kuasa, diubah atau diperbaharui, apa-apa maklumat yang dinyatakan pada Borang Permohonan (atau semasa **Anda** membuat permohonan **Takaful** ini) tidak tepat atau telah berubah.

B. Kontrak Takaful Komersial

Jika **Takaful** yang **Anda** pohon ini berkait sepenuhnya dengan perdagangan, perniagaan atau profesion, **Anda** bertanggungjawab mendedahkan segala perkara yang **Anda** tahu sebagai relevan kepada keputusan **Kami** untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai serta seorang yang berada dalam keadaan itu dianggap relevan, kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan pengelakan kontrak **Takaful**, menolak atau mengurangkan tuntutan **Anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak **Takaful** **Anda**.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu **Kami** serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak **Takaful** **Anda** berkuat kuasa, diubah atau diperbaharui apa-apa maklumat yang dinyatakan pada Borang Permohonan (atau semasa **Anda** membuat permohonan **Takaful** ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. Kemalangan dan Prosedur Tuntutan

Sekiranya **Kereta Anda** terlibat dalam apa-apa **Insiden** yang membolehkan tuntutan dibuat di bawah **Sijil** ini, **Anda** mesti lakukan perkara berikut:

- a. Laporkan kepada jabatan tuntutan **Kami** tentang **Insiden** itu dan dapatkan Borang Tuntutan. **Anda** mesti laporkan **Insiden** tersebut kepada **Kami** secepat mungkin namun apa pun mestilah:
 - i. Dalam tempoh tujuh (7) hari, sekiranya **Anda** tiada keilatan dari segi fizikal atau tidak dimasukkan ke hospital akibat **Insiden** itu; atau
 - ii. Dalam tempoh tiga puluh (30) hari atau secepat yang boleh dilakukan, sekiranya **Anda** secara fizikal keilatan dan dimasukkan ke hospital akibat **Insiden** itu.

Kami boleh membenarkan tempoh pemberitahuan yang lebih lama jika **Anda** dapat memberikan bukti khusus serta justifikasi bagi kelewatan tersebut.

- b. Laporkan **Insiden** kepada polis seperti yang dikehendaki undang-undang dan lakukan segala yang diperlukan bagi membantu pihak polis memastikan pihak yang bersalah dijatuhi hukuman.
- c. Lengkapkan Borang Tuntutan sepenuhnya dan kembalikan kepada **Kami** dalam masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemberitahuan **Anda** seperti perenggan (a) di atas. **Anda** dikehendaki memberi jawapan terperinci terhadap semua soalan pada bahagian berkenaan dan **Anda** juga mesti kemukakan segala dokumen yang **Kami** perlukan bagi menyokong tuntutan **Anda**. **Kami** tidak bertanggungjawab jika **Anda** lewat dalam menyerahkan Borang Tuntutan yang siap dilengkapi berserta semua dokumen yang diperlukan.

Kami mungkin membenarkan tempoh penyerahan tuntutan yang lebih panjang tertakluk kepada bukti khusus dan justifikasi yang **Anda** berikan.

- d. Sekiranya terdapat sebarang tuntutan yang dibuat terhadap **Anda** oleh pihak ketiga, **Anda** perlu memberitahu **Kami** mengenainya serta-merta dan **Anda** mesti menghantar kepada **Kami** sebarang amaran tuntutan, notis pendakwaan atau inkuies yang akan berlaku, saman, writ atau sebarang surat daripada peguam pihak ketiga sebaik sahaja **Anda** menerima dokumen tersebut, namun mestilah dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan dokumen berkenaan.
- e. Hantar Kereta **Anda** ke mana-mana Bengkel yang **Kami** luluskan supaya **Kami** dapat memeriksa **Kereta Anda** sebelum memberi kelulusan untuk membaikinya atau ambil tindakan munasabah bagi mengawal **Kereta Anda** daripada kerugian atau kerosakan tambahan. **Kami** boleh menolak sebarang tuntutan di bawah **Sijil** ini jika **Anda** melanggar syarat ini.
- f. **Anda** mesti mendapat persetujuan **Kami** secara bertulis sebelum **Anda** membaiki **Kereta Anda** atau membelanjakan wang berkaitan sebarang tuntutan di bawah **Sijil** ini.
Anda dilarang mengambil tindakan berikut:
 - i. Mengaku bertanggungjawab bagi sebarang **Insiden**; atau
 - ii. Berunding atau menyelesaikan sebarang tuntutan yang dibuat terhadap **Anda** oleh pihak ketiga, kecuali **Kami** memberi kelulusan bertulis bahawa **Anda** boleh lakukan begitu.

Kami berhak memutuskan sama ada untuk berunding, membela atau menyelesaikan atas nama **Anda**, nama **Pemandu Sah Anda** dan/ atau bagi pihak **Anda**, mana-mana tuntutan yang dibuat terhadap **Anda** atau **Pemandu Sah Anda** oleh pihak ketiga. Jika pada penilaian **Kami** tuntutan pihak ketiga yang dibuat terhadap **Anda** atau **Pemandu Sah Anda** bagi kerosakan harta benda akan melebihi had liabiliti sebanyak RM3 juta, amaun penuh liabiliti **Kami** kepada **Anda** atau pihak ketiga akan dibayar dan tanggungjawab pembelaan, penyelesaian atau prosiding seterusnya akan diserahkan sepenuhnya kepada **Anda**. Selepas berbuat demikian **Kami** tidak lagi bertanggungjawab di bawah **Sijil** ini untuk membuat sebarang bayaran kepada **Anda** atau mana-mana pihak yang menuntut atau sesiapa yang berkaitan dengan **Insiden** yang sama.

Syarat di atas juga dikenakan ke atas sesiapa sahaja yang ingin membuat tuntutan di bawah terma **Sijil** ini. "Sesiapa sahaja" boleh rujuk kepada wakil peribadi atau pentadbir/ pusaka Peserta.

3. Pembatalan

Kedua-dua belah pihak boleh membatalkan **Sijil** ini pada bila-bila masa dalam **Tempoh Takaful**.

- a. Pembatalan oleh **Anda**:
 - i. **Anda** boleh membatalkan **Sijil** ini pada bila-bila masa dengan mengembalikan **Sijil Takaful** kepada **Kami** atau, jika **ST** itu telah hilang atau musnah, **Anda** mesti kemukakan kepada **Kami** Akuan Berkanun {Statutory Declaration (SD)} yang telah diperakui dengan sewajarnya untuk mengesahkan hal ini.
 - ii. Selepas mengembalikan **ST** atau **SD**, **Anda** layak mendapat bayaran balik sumbangan (yuran **Wakalah** dan bahagian **Tabarru'**) untuk tempoh belum tamat dikira secara pro-rata dari tarikh penerimaan **ST** atau **SD** oleh **Kami** sekiranya **Sijil** hilang atau musnah atau tidak diterima oleh **Anda**.
 - iii. **Sijil** ini akan luput secara automatik sebaik **Anda** menjual atau melupuskan **Kereta Anda** kerana kepentingan **Takaful Anda** yang dibenarkan untuk **Kereta** itu akan tamat. Jika **Anda** mahu memindahkan **Sijil** ini kepada Peserta yang baharu, **Anda** mesti mendapat persetujuan **Kami** terlebih dahulu.
- b. Pembatalan oleh **Kami**
 - i. **Kami** juga boleh membatalkan **Sijil** ini dengan memberi **Anda** notis empat belas (14) hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat terakhir **Anda** yang **Kami** tahu.

- ii. Selepas mengembalikan **ST** atau **SD**, **Anda** layak mendapat bayaran balik sumbangan (yuran **Wakalah** dan bahagian **Tabarru'**) bagi baki tempoh yang tidak diberi perlindungan dikira secara pro-rata dari tarikh **Kami** menerima **ST** atau **SD** daripada **Anda** hingga ke tarikh luput **Sijil**.

Tidak ada bayaran balik sumbangan bagi sebarang pembatalan **Sijil** (sama ada oleh **Anda** atau **Kami**) sekiranya **Anda** telah membayar **Sumbangan Minimum** sahaja atau jika sesuatu tuntutan telah dibuat terhadap **Sijil** ini.

4. **Jika Terdapat lebih daripada Satu Takaful/ Insurans yang Melindungi Motosikal yang Sama**

- a. **Anda** mesti memberitahu **Kami** secara bertulis jika **Anda** mempunyai sebarang **Takaful/ Insurans** lain yang turut melindungi **Kereta Anda** dalam Tempoh **Takaful**.
- b. Jika suatu tuntutan dibuat di bawah **Sijil** ini dan kerugian tersebut juga dilindungi oleh **Sijil Takaful/ Sijil Insurans** lain yang **Anda** ambil, **Kami** akan hanya membayar bahagian **Kami** mengikut nisbah pro-rata dari kerugian sepenuhnya. Bukan tanggungjawab **Kami** membayar dahulu keseluruhan tuntutan itu dan kemudian menuntut balik bahagian pengendali **Takaful/ Insurans** yang turut bertanggungjawab bagi kerugian tersebut.

5. **Subrogasi**

Kami berhak untuk mengambil alih di bawah nama **Anda** dan bagi pihak **Anda**:

- i. kelakuan penuh, kawalan dan penyelesaian sebarang prosiding;
- ii. mendapatkan semula pampasan atau indemniti terjamin daripada mana-mana pihak ketiga berkenaan dengan apa-apa yang dilindungi oleh **Sijil** ini.

Mengikut kepada perbelanjaan dan manfaat yang **Kami** peroleh.

6. **Penyelesaian Pertikaian**

Jika berlaku perselisihan atau pertikaian tentang sebarang perkara yang berkaitan dengan **Sijil** ini yang melibatkan amaun melebihi Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000), **Anda** dan **Kami** akan bersama melantik seorang Penimbang Tara secara bertulis untuk menyelesaikan perselisihan atau pertikaian ini. Jika **Anda** dan **Kami** tidak boleh bersetuju tentang siapakah yang akan menjadi Penimbang Tara dalam masa sebulan seperti yang dikehendaki, maka **Anda** dan **Kami** boleh masing-masing melantik seorang Penimbang Tara. Kedua-dua Penimbang Tara tersebut kemudian akan mendengar perselisihan dan pertikaian bersama dengan seorang Pengadil yang mereka lantik. Jika Penimbang Tara tidak bersetuju dalam pemilihan Pengadil dalam masa tiga puluh (30) hari, maka seorang Pengadil akan dilantik oleh Pusat Timbang Tara Antarabangsa Kuala Lumpur.

Jika jumlah yang dipertikaikan adalah kurang daripada Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000), **Anda** boleh merujuk perkara itu kepada **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)** atau kepada BNMLINK, Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menyelesaikan pertikaian tersebut.

7. **Hal-hal Lain**

Kami hanya bertanggungjawab menanggung kerugian **Anda** di bawah **Sijil** ini jika **Anda**:

- a. Mematuhi semua terma dan syarat **Sijil** ini. Syarat-syarat ini digunapakai juga kepada **Pemandu Sah Anda** dan wakil sah **Anda** yang mendapatkan perlindungan di bawah **Sijil** ini;
- b. Mengekalkan **Kereta Anda** dalam keadaan yang cekap dan layak untuk dipandu di jalan raya. **Anda** mesti mendapatkan kebenaran **Kami** jika **Anda** telah membuat sebarang pengubahsuaian yang akan menambah dalam apa juga cara yang akan memberikan kesan terhadap prestasi **Kereta Anda**;
- c. Mengambil langkah yang munasabah untuk mengelak daripada sebarang keadaan yang boleh mengakibatkan berlakunya tuntutan. **Sijil** ini tidak akan melindungi **Anda** jika **Anda** atau **Pemandu Sah Anda** menunggang secara melulu, iaitu, di mana **Anda** tahu adanya bahaya tetapi dengan sengaja tidak mengambil langkah-langkah mencegahnya. Ini termasuk dan tidak terhad kepada membiarkan **Kereta Anda** tanpa pengawasan semasa tidak dikunci atau kuncinya berada pada **Kereta Anda**; dan
- d. **Anda** mesti membenarkan **Kami** memeriksa **Kereta Anda** pada bila-bila masa yang sesuai apabila diminta.

8. **Rujukan untuk Sistem Penilaian Pasaran Kenderaan Bermotor**

Ini merujuk kepada **Sistem Penilaian Pasaran** kenderaan bermotor yang diluluskan oleh **Kami** untuk menentukan **Jumlah Perlindungan Kereta Anda** pada masa **Anda** menyertai/memperbaharui **Sijil** dan juga pada masa berlakunya kerugian tersebut.

Apabila tuntutan dibuat, **Nilai Pasaran Kereta Anda** akan ditentukan 'ISM Automotive Business Intelligence System' dan nilai ini akan diterima sebagai kos pembelian kereta gantian yang sama buatannya, modelnya, umur **Kereta Anda** pada masa kerugian berlaku.

Jika tidak ada **Nilai Pasaran** daripada 'ISM Automotive Business Intelligence System' bagi Kereta **Anda**, **Nilai Pasaran Kereta** itu akan ditentukan oleh **Pihak Penyelaras**, yang dipersetujui oleh **Anda** dan **Kami**.

Penilaian yang dibuat oleh 'ISM Automotive Business Intelligence System' atau Pihak Penyelaras adalah muktamad berkaitan dengan **Nilai Pasaran Kereta Anda** di dalam mana-mana prosiding undang-undang terhadap **Kami**.

9. Pembatalan Sijil

Sijil ini akan terbatal secara automatik sekiranya berlaku mana-mana perkara berikut:

- a. selepas pembatalan **Sijil** oleh **Anda**;
- b. selepas pembatalan **Sijil** oleh **Kami**;
- c. berlaku penipuan atau kesalahan fakta semasa membuat permohonan;
- d. Ketika **Kami** membuat tuntutan untuk **Anda** disebabkan oleh "Beyond Economic Repair" ("BER") atau dicuri;
- e. apabila **Sijil** tamat pada akhir Tempoh **Takaful**;
- f. Pembatalan disebabkan oleh Bukan Pematuhan Syariah mengikut Syarat Tambahan 1.

Sekiranya pembatalan disebabkan (a) dan (b), sila rujuk pada "Syarat 3 – Pembatalan" untuk bayaran balik sumbangan (yuran **Wakalah** dan sebahagian **Tabarru'**). Sekiranya pembatalan disebabkan oleh (c) dan (f), **Kami** akan membayar balik semua sumbangan **Anda**. Sekiranya pembatalan disebabkan oleh (d) dan (e), **Kami** tidak akan membayar balik sumbangan **Anda**.

Sebarang Sumbangan yang **Kami** terima selepas pembatalan **Sijil** ini tidak akan mewujudkan sebarang liabiliti kepada **Kami** tetapi **Kami** akan membayar balik Sumbangan tersebut kepada **Anda** tanpa sebarang keuntungan.

10. Manfaat

Segala manfaat yang termaktub dalam **Sijil** ini akan dibayar melalui **DTA**.

11. Piagam Khidmat Pelanggan

Sila layari laman web **Kami** untuk mengetahui lebih lanjut mengenai **Piagam Khidmat Pelanggan Kami**.

12. Klausula Prosiding Undang-undang

Tiada tindakan undang-undang atau dalam ekuiti boleh dibawa untuk mendapatkan semula **Sijil** ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti bertulis berkaitan kerugian telah diberikan mengikut keperluan **Sijil** ini. Jika **Orang Yang Dilindungi** gagal mengemukakan bukti kerugian yang diperlukan seperti yang ditetapkan oleh terma dan syarat **Sijil** ini, **Orang Yang Dilindungi** boleh, dalam tempoh tangguh satu (1) tahun kalendar dari masa bukti bertulis kehilangan itu diberikan, serahan bukti kerugian berkaitan kepada **Kami** dengan alasan yang kukuh untuk kegagalan mematuhi terma dan syarat **Sijil**. Penerimaan bukti kehilangan sedemikian adalah mengikut budi bicara **Kami** sepenuhnya. Selepas tempoh tangguh tersebut tamat, **Kami** tidak akan menerima, atas apa jua sebab sekalipun, bukti bertulis kehilangan tersebut.

Seksyen F: Takrifan Perkataan yang ditandakan di dalam Sijil

Seksyen ini menerangkan apa yang **Kami** maksudkan bagi setiap perkataan yang dicetak dengan huruf tebal dalam **Sijil** ini.

Di dalam **Sijil**, **Jadual** dan **Sijil Takaful** ini, perkataan berikut mempunyai makna seperti yang ditakrifkan di bawah kecuali konteks sebaliknya diperlukan:

1. Aksesori

Merujuk kepada peralatan standard **Kereta** yang telah dipasang di kilang, termasuk tayar ganti, dan mungkin juga termasuk radio/ pemain kaset/ pemain cakera padat dan seumpamanya jika dinyatakan di dalam **Jadual**.

2. Tindakan Keganasan

Merujuk kepada suatu tindakan oleh mana-mana orang atau kumpulan yang menggunakan kekerasan atau keganasan dan/ atau ugutan kekerasan atau keganasan, sama ada bertindak secara sendirian atau bagi pihak orang lain atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan dan dilakukan bagi tujuan atau sebab-sebab politik, agama, ideologi, bangsa atau bagi tujuan lain yang serupa, termasuklah niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam, atau mana-mana pihak awam, berada dalam ketakutan.

3. Pelaras

Merujuk kepada orang atau entiti yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang **Kami** lantik untuk menyiasat sebab dan keadaan berlakunya kerugian dan untuk menentukan amaun kerugian.

4. Bengkel Pembaikan Yang Diluluskan

Ini merujuk kepada mana-mana yang berikut:

1. Bengkel pembaikan kenderaan yang terdapat dalam senarai bengkel yang diluluskan oleh **Kami**;
 - a. **Kami** akan memastikan senarai panel bengkel yang diluluskan oleh **Kami** adalah mencukupi untuk menyediakan kemudahan kepada **Anda**.
 - b. Sekiranya berlaku **Insiden** di mana tiada panel bengkel yang diluluskan di lokasi berdekatan, **Kami** mungkin memilih untuk (atas budi bicara):
 - (i) membantu **Anda** dalam mendapatkan panel bengkel **Kami** yang berdekatan dan mengatur perkhidmatan tunda ke bengkel yang terpilih tanpa sebarang kos kepada **Anda**; atau
 - (ii) membenarkan kenderaan yang rosak dibaiki di mana-mana bengkel pembaikan kemalangan yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan ("JPJ") yang ditentukan oleh **Kami**.

atau

2. Mana-mana bengkel pembaikan lain yang telah **Kami** berikan kelulusan khas kepada **Anda** untuk digunakan. Keadaan di bawah di mana kelulusan khas boleh diberikan oleh **Kami** termasuklah:
 - a. tiada **Bengkel Pembaikan Yang Diluluskan** seperti yang dinyatakan dalam (a) di atas tersedia di lokasi **Kereta Anda**, dan **Kami** tidak dapat membantu **Anda** untuk mendapatkan bengkel terdekat dalam panel **Kami** atau yang berdaftar dengan JPJ;
 - b. pembaikan yang memerlukan kepakaran khas dari bengkel pembaikan tertentu yang tidak dapat disediakan oleh **Bengkel Pembaikan Yang Diluluskan**; dan
 - c. francais bengkel pembaikan.

5. Pemandu Sah Anda

Merujuk kepada sesiapa yang memandu **Kereta Anda** beserta kebenaran atau izin **Anda** dengan syarat dia mempunyai lesen memandu yang sah bagi jenis kenderaan yang berkaitan dan tidak hilang kelayakan untuk menunggang dari segi undang-undang atau atas sebab-sebab lain.

6. Kereta

Ini merujuk kepada kenderaan bermotor yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** termasuk opsyen piawaian pengilang dan **Aksesori** yang dipasang kepadanya dan lain-lain yang bukan opsyen piawaian pengilang atau huraian yang tersenarai secara khusus di dalam **Jadual Sijil**.

7. Sijil

Sijil termasuk **Jadual**, **Sijil Takaful**, dan semua **Endorsemen** yang tersenarai secara khusus dalam **Jadual**.

8. Sijil Takaful

Sijil ini telah ditetapkan bentuknya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang **Kami** dikehendaki memberikannya kepada **Anda** dan menggariskan syarat-syarat tertakluk kepada **Sijil** yang dikeluarkan.

9. Penipuan

Merujuk kepada maksud yang ditakrifkan di bawah Seksyen 415 Kanun Keseksaan seperti berikut: Sesiapa sahaja dengan memperdayakan mana-mana orang, sama ada atau tidak perdayaan tersebut ialah dorongan tunggal atau utama:

- a. Menipu atau tidak jujur sehingga mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menghantar sebarang hartabenda; atau
- b. Dengan sengaja mendorong orang yang ditipu melakukan atau meninggalkan apa-apa yang tidak akan lakukan atau tinggalkan jika dia tidak diperdayakan demikian dan tindakan atau peninggalan itu menyebabkan kerosakan atau kemudaratan kepada badan, minda, reputasi atau harta benda, adalah dikatakan “menipu”.

10. Jenayah Pecah Amanah

Merujuk kepada maksud yang ditakrifkan di bawah Seksyen 405 Kanun Keseksaan seperti berikut:

Barang siapa, dengan apa-apa cara yang telah diamanahkan dengan harta benda, sama ada sendirian atau bersama dengan mana-mana pihak, atau dengan apa-apa kuasa ke atas harta benda, secara tidak jujur menyeleweng harta benda itu atau menjadikannya hak milik dan kegunaan sendiri, atau dengan tidak jujur menggunakan, atau melupuskan harta benda itu dengan melanggar undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu harus dilaksanakan, atau sebarang kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau disifatkan ada, yang telah melanggar amanah itu, atau dengan sengaja menganiaya sesiapa berbuat demikian, adalah melakukan “Jenayah Pecah Amanah”.

11. Endorsemen

Merujuk kepada dokumen yang **Kami** keluaran kepada **Anda** bagi mengesahkan sebarang perubahan atau perlindungan tambahan bagi **Sijil** asas.

12. Ekses

Merujuk kepada amaun pertama yang **Anda** terpaksa tanggung terlebih dahulu bagi setiap tuntutan. Amaun Ekses ini disebut dalam **Jadual**. **Anda** mesti menanggung **Ekses** tersebut tanpa mengira siapa yang bersalah pada **Insiden** itu.

13. Dana Takaful Am atau DTA

Merujuk kepada dana yang ditubuhkan bagi mengumpul sebahagian daripada sumbangan yang dibayar oleh Peserta, berdasarkan **Tabarru'** bagi tujuan memenuhi tuntutan yang berkaitan dengan peristiwa atau risiko yang dinyatakan dalam **Sijil** ini. Dana ini dimiliki secara kolektif oleh kumpulan Peserta.

14. Hibah

Merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan. Di bawah **Sijil** ini, manfaat yang dibayar dari **DTA** adalah berdasarkan **Hibah**. **Penama** boleh menerima manfaat yang dibayar di bawah **Sijil** ini jika penama adalah seorang penerima di bawah **Hibah** bersyarat.

15. Isi Rumah

Merujuk kepada semua ahli keluarga terdekat **Anda** atau **Pemandu Sah Anda** iaitu pasangan, anak-anak termasuk anak angkat yang sah, ibu bapa, abang dan kakak yang tinggal sebumbung dengan **Anda** bersama keluarga terdekat **Anda**, atau bersama **Pemandu Sah Anda**, beserta keluarga terdekatnya.

16. Insiden

Sebarang peristiwa yang membawa kepada tuntutan di bawah **Sijil** ini.

17. Ju'alah

Merujuk kepada kontrak di mana sebuah pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang mencapai keputusan yang ditentukan. Di bawah **Sijil** ini, **Anda** membenarkan Kami menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih yang timbul daripada **DTA** sebagai insentif prestasi untuk pencapaian **Kami** dalam menguruskan **DTA** yang menghasilkan lebihan.

18. Had Penggunaan

Berdasarkan **Sijil Takaful Anda**, **Kereta Anda** hanya boleh digunakan untuk tujuan “sosial, domestik dan bersuka ria serta urusan Peserta”. **Sijil Takaful** juga menyatakan bahawa “**Sijil** tidak melindungi penggunaannya bagi tujuan sewaan atau mengutip tambang, perlumbaan, perentak perlumbaan (*pacemaking*), ujian keandalan (*reliability trial*) atau ujian kelajuan cubaan, membawa barang yang berkaitan dengan sebarang urus niaga atau perniagaan selain sampel barang”.

19. Nilai Pasaran

Merujuk kepada kos munasabah untuk membeli sebuah **Kereta** lain yang sama buatan, model usia dan keadaan umumnya serupa dengan **Kereta Anda** semasa berlaku kerugian. **Nilai Pasaran Kereta Anda** pada masa kerugian akan ditentukan mengikut terma yang Anda telah pilih semasa Anda menyertai **Sijil** ini. Jika **Anda** telah memilih **Sistem Penilaian Pasaran** untuk menentukan **Amaun Dilindungi**, maka **Nilai Pasaran** akan ditentukan mengikut sistem penilaian seperti yang dihuraikan dalam fasal 17 di bawah. Walau bagaimanapun, jika **Anda** tidak memilih **Sistem Penilaian Pasaran** maka **Nilai Pasaran Kereta Anda** jika berlaku pertikaian akan ditentukan oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais **Kereta** dan nilai ini mesti bersamaan dengan kos membeli Kereta gantian yang sama buatan, model dan usia dengan **Kereta Anda** semasa berlakunya kerugian. Sekiranya penilaian ini tidak dapat diperolehi atau pada pendapat **Kami** terlalu rendah atau tinggi maka penilaian ini akan ditentukan oleh **Pelaras** yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, dipersetujui oleh **Anda** dan **Kami**.

20. Sistem Penilaian Pasaran

Merujuk kepada **Sistem Penilaian Pasaran** kenderaan bermotor yang diluluskan oleh Pengendali Takaful **Anda** dalam menentukan **Nilai Pasaran Kereta Anda** ketika **Anda** menyertai/ memperbaharui **Sijil** ini dan juga ketika berlakunya kerugian. **Anda** boleh memilih untuk menggunakan penilaian yang disyorkan oleh sistem ini sebagai **Jumlah Perlindungan** untuk mengelak diri daripada akibat perlindungan berkurang seperti yang dihuraikan di dalam Seksyen A2e. Sebagai alternatif, **Anda** boleh memilih untuk menentukan **Jumlah Perlindungan** sendiri akan tetapi tertakluk kepada Seksyen A2e jika **Anda** mengalami perlindungan berkurang.

21. Sumbangan Minimum

Sumbangan minimum adalah Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20.00).

22. Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)

Merupakan sebuah badan bebas yang menawarkan saluran percuma dan cekap untuk membantu menyelesaikan pertikaian tertentu antara **Anda** dengan **Kami** di bawah **Sijil** ini sebagai alternatif kepada penyelesaian di mahkamah.

23. Tempoh Takaful

Merujuk kepada tempoh yang disebut di dalam **Jadual** bila perlindungan yang diberikan oleh **Sijil** ini berkuat kuasa. Perlindungan hanya sah dari waktu sebenar **Sijil Takaful** disertai atau dari masa **Anda** dan **Kami** bersetuju bila perlindungan patut bermula.

24. Qard

Ini merujuk kepada kontrak meminjamkan wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam terikat untuk membayar balik jumlah gantian yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah **Sijil** ini, **Kami** akan meminjamkan sejumlah wang kepada **DTA** tanpa faedah jika **DTA** mengalami defisit.

25. Jalan

Seksyen 2 Akta Pengangkutan Jalan 1987 mentakrifkan “**Jalan**” sebagai “mana-mana jalan awam dan mana-mana jalan lain yang mana orang awam mempunyai akses dan termasuklah jambatan, terowong, hentian sebelah, kemudahan feri, jalan bertingkat, bulatan jalan, pulau lalu lintas, pembahagi jalan, segala lorong lalu lintas, lorong laju, lorong perlahan, bahu jalan, garis tengah, jejambat, jalan tembok, jalan tuju, landasan masuk dan keluar, plaza tol, kawasan khidmat dan struktur dan lekapan lain bagi memberikan kesan sepenuh kepada penggunaannya”.

26. Jadual

Dokumen ini menyatakan nama dan alamat **Anda**, **Tempoh Takaful**, seksyen-seksyen **Sijil** ini yang berkuat kuasa, sumbangan yang **Anda** telah bayar, **Kereta** yang dilindungi, **Amaun Dilindungi** dan perincian sebarang lanjutan atau **Endorsemen**.

27. Jumlah Perlindungan

Merupakan jumlah maksimum yang akan dibayar kepada **Anda** sebagai tuntutan dibawah Seksyen A. Jumlah tersebut telah dinyatakan dalam **Jadual**. Jumlah perlindungan mestilah mencukupi bagi menampung kos menggantikan **Kereta Anda** sekiranya berlaku sesuatu **Insiden** yang memusnahkan sepenuhnya.

28. Tabarru'

Merujuk kepada derma bagi tujuan kebajikan. Di bawah **Sijil** ini, **Anda** menderma sebahagian daripada sumbangan kepada **DTA** berdasarkan Tabarru' untuk membantu peserta lain. **Tabarru'** berkuat kuasa apabila **Anda** menyumbang kepada **DTA**.

29. Takaful

Merujuk kepada skim bantuan bersama berdasarkan prinsip persaudaraan, perpaduan dan kerjasama di mana setiap Peserta bersetuju untuk menyumbang sejumlah wang berdasarkan **Tabarru'** ke dalam dana bersama untuk menyediakan bantuan kewangan yang perlu dibayar kepada Peserta, orang yang dilindungi atau penerima manfaat apabila berlakunya peristiwa yang tidak dapat dijangka.

30. Wakalah

Merujuk kepada kontrak di mana sebuah pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melaksanakan tugas tertentu mengenai perkara yang mungkin diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di bawah **Sijil** ini, **Anda** memberi kuasa kepada **Kami** untuk menguruskan **DTA** berdasarkan **Wakalah** dan sebagai balasan, **Kami** akan menerima yuran **Wakalah**.

31. Kami, Takaful Malaysia

Merujuk kepada Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad yang mengeluarkan **Sijil** ini mewakili **Anda** sebagai Peserta **DTA**.

32. Anda

Murujuk kepada pemegang **Sijil** atau orang yang diterangkan dalam **Jadual** sebagai "Peserta".

Seksyen G: Perlindungan Kemalangan Peribadi Percuma untuk Pemandu dan Penumpang - Hanya Terpakai untuk Perlindungan Komprehensif

A. MANFAAT

Setiap pemandu dan/atau penumpang **Kereta Anda** akan layak untuk mendapat faedah Kematian Akibat Kemalangan dan Kebalikannya sebanyak Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu (RM15,000) bagi setiap nyawa dalam satu jumlah wang sekaligus.

B. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN MANFAAT

Orang yang layak mendapat perlindungan ini adalah pemandu atau penumpang yang mengalami kecederaan yang menyebabkan kematian atau Kebalikannya dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan.

- (i) Orang yang Dilindungi merujuk kepada pemandu dan/atau penumpang **Kereta Anda**.
- (ii) Kebalikan Kekal merujuk kepada kehilangan sepenuhnya melalui pemisahan atau kehilangan sepenuhnya dan kekal kegunaan bagi keadaan-keadaan berikut:
 - (a) Paralisis sepenuhnya;
 - (b) Kehilangan dua anggota badan;
 - (c) Kehilangan kedua-dua tangan atau semua jari-jari dan kedua-dua ibu jari; atau
 - (d) Kehilangan sepenuhnya penglihatan kedua-dua mata.

Syarat-syarat ini mesti berterusan tanpa gangguan selama tempoh enam (6) bulan dan disahkan oleh pakar perubatan yang dilantik oleh kami bahawa tiada harapan untuk pulih.

C. HAD WILAYAH

Malaysia

D. PENGECUALIAN

Tiada faedah akan dibayar dalam mana-mana keadaan berikut:

- (i) percubaan bunuh diri, pembunuhan yang diprovokasi atau serangan;
- (ii) jika **Orang yang Dilindungi** tidak memegang lesen memandu yang sah untuk memandu **Kereta Anda** atau tidak layak untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu yang sah di bawah peraturan Akta Pengangkutan Jalan Malaysia;
- (iii) semasa **Kereta Anda** digunakan untuk disewa, perlumbaan, rally jalan raya, memecut, ujian kelajuan atau untuk tujuan apa-apa yang berkaitan dengan perdagangan motor;

- (iv) semasa pemandu **Kereta Anda** di bawah pengaruh arak atau dadah yang memabukkan;
- (v) tindakan yang sengaja, jenayah, tidak sah atau bertujuan, atau kecuai.

E. PERUNTUKAN KHAS

Jika bilangan Orang yang Dilindungi pada masa kejadian melebihi bilangan yang dinyatakan sebagai kapasiti tempat duduk dalam Kad Pendaftaran Kenderaan, had liabiliti **Kami** bagi setiap orang akan dikurangkan dengan nisbah bilangan penumpang yang dinyatakan kepada bilangan sebenar penumpang.

Seksyen H: Endorsemen – Hanya Diguna Pakai jika nombor Endorsemen tercatat di dalam Jadual

Berikut adalah senarai terma dan syarat tambahan (dikenali sebagai **Endorsemen**) yang **Kami** boleh kenakan terhadap **Anda** atau perlindungan pilihan yang tersedia yang boleh **Anda** lanjutkan ke dalam **Sijil** asas **Anda** dengan membayar sumbangan tambahan. Sila ambil perhatian bahawa hanya **Endorsemen** yang nombornya tercatat secara khusus di dalam **Jadual** sahaja yang akan diguna pakai oleh **Sijil** ini.

Endorsemen C001: Ekses Semua Tuntutan - (sila lihat halaman 4 untuk penerangan dan halaman 20 untuk takrif)

Amaun Ekses yang tercatat di **Jadual Sijil** adalah amaun yang **Anda** terpaksa tanggung sendiri bagi setiap satu tuntutan di bawah Seksyen A yang timbul akibat satu Kejadian. Ini bermakna bahawa **Kami** berhak memotong Ekses ini dari amaun yang jika tidak, **Kami** terpaksa tanggung sepenuhnya. Jika **Kami** tidak dapat memotong Ekses tersebut, **Kami** berhak menuntut supaya **Anda** membayar Ekses itu kepada **Kami** dahulu sebelum **Kami** membuat apa-apa bayaran.

Kami tidak akan memotong Ekses tersebut bagi kerugian atau kerosakan yang melibatkan tuntutan pihak ketiga.

Endorsemen C002: Ekses Tuntutan Kerosakan - (sila lihat halaman 6 untuk penerangan dan halaman 20 untuk takrif)

Amaun Ekses yang tercatat di **Jadual Sijil** adalah amaun yang **Anda** terpaksa tanggung sendiri bagi setiap satu tuntutan di bawah Seksyen A yang timbul akibat satu Kejadian. Ini bermakna bahawa **Kami** berhak memotong Ekses ini dari amaun yang jika tidak, **Kami** terpaksa tanggung sepenuhnya. Jika **Kami** tidak dapat memotong Ekses tersebut, **Kami** berhak menuntut supaya **Anda** membayar Ekses itu kepada **Kami** dahulu sebelum **Kami** membuat apa-apa bayaran.

Kami tidak akan memotong Ekses tersebut jika kerugian atau kerosakan disebabkan kebakaran, letupan, kilat, pecah-masuk, pecah rumah, kecurian, tuntutan kerosakan harta pihak ketiga dan kecederaan tubuh badan pihak ketiga.

Endorsemen C15A: Pembiayaan Majikan

Kami mendapati bahawa **Kereta Anda** diperoleh di bawah perjanjian Pembiayaan Majikan. **Anda** bersetuju tanpa syarat bahawa sebarang tuntutan yang **Kami** bayar secara tunai di bawah Seksyen A akan dibayar di atas nama Majikan yang namanya tercatat di dalam **Jadual** selagi pembiayaan itu belum dilunaskan pada masa **Insiden** yang menyebabkan tuntutan. Akaun penerimaan daripada Majikan akan membebaskan **Kami** daripada tuntutan atau liabiliti selanjutnya bagi **Insiden** tersebut.

Selain dari yang di atas, hak dan liabiliti **Kami/ Anda** di bawah **Sijil** ini tidak akan terjejas.

Endorsemen C03(P): Insurans Pihak Ketiga Sahaja (sila lihat halaman 2 dan 3: “Apa yang Dilindungi?”)

Perlindungan yang **Anda** telah pilih untuk **Kereta Anda** disebut sebagai **Takaful** ‘Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian’. Ini bermakna bahawa **Kami** tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan terhadap **Kereta Anda**. Atas sebab ini Seksyen A terbatal dan hanya perlindungan di bawah Seksyen B sahaja yang diberikan kepada **Anda**.

Endorsemen C03(Q): Insurans Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian (sila lihat halaman 2 dan 3: “Apa yang Dilindungi?”)

Perlindungan yang **Anda** telah pilih untuk **Kereta Anda** disebut sebagai **Takaful** ‘Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian’. Ini bermakna perlindungan yang diberikan terhadap **Kereta Anda** di bawah Seksyen A adalah terhad kepada sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran, letupan, kilat, pecah-masuk, pecah rumah atau kecurian sahaja. Atas sebab ini baki perlindungan yang masih di bawah Seksyen A1a adalah terbatal dan perlindungan Seksyen B sahaja yang diberikan kepada **Anda**.

Endorsemen C015: Sewa Beli

Kami mendapati bahawa **Kereta Anda** adalah di bawah Perjanjian Sewa Beli dengan syarikat Sewa Beli yang dinamakan di dalam **Jadual Sijil** sebagai Pemilik. **Anda** bersetuju tanpa syarat bahawa sebarang tuntutan yang **Kami** bayar secara tunai di bawah Seksyen A akan diberi kepada Pemilik selagi mereka kekal menjadi Pemilik **Kereta Anda** pada masa berlakunya Kejadian. Akuan penerimaan daripada Pemilik akan membebaskan **Kami** daripada sebarang tuntutan atau liabiliti selanjutnya berkaitan dengan kerugian atau kerosakan tersebut. Bagi semua tujuan lain **Anda** dianggap sebagai pihak prinsipal di bawah **Sijil** ini dan bukannya ejen atau pemegang amanah bagi Pemilik dan **Anda** tidak menyerahkan hak manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah **Sijil** ini kepada Pemilik. **Anda** tidak boleh menyerahkan hak, manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah **Sijil** ini kepada sesiapa tanpa persetujuan bertulis daripada **Kami**.

Endorsemen C015A: Pembiayaan Majikan

Kami mendapati bahawa **Kereta Anda** diperoleh di bawah perjanjian Pembiayaan Majikan. **Anda** bersetuju tanpa syarat bahawa sebarang tuntutan yang **Kami** bayar secara tunai di bawah Seksyen A akan dibayar di atas nama Majikan yang namanya tercatat di dalam **Jadual** selagi pembiayaan itu belum dilunaskan pada masa **Insiden** yang menyebabkan tuntutan. Akuan penerimaan daripada Majikan akan membebaskan **Kami** daripada tuntutan atau liabiliti selanjutnya bagi **Insiden** tersebut.

Selain dari yang di atas, hak dan liabiliti **Kami/ Anda** di bawah **Sijil** ini tidak akan terjejas.

Endorsemen C018: Risiko Berkadar Flit (Fleet Rated Risks) – Pembatalan 'Diskaun Tanpa Tuntutan'

Oleh kerana manfaat Diskaun Flit diterima, fasal Diskaun Tanpa Tuntutan bagi **Sijil** ini dibatalkan.

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Sijil** ini.

Endorsemen C025: Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam

Merujuk kepada sumbangan tambahan yang **Anda** telah bayar, Takaful yang diberikan di bawah Seksyen A **Sijil** ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap **Kereta Anda** disebabkan oleh:

- perbuatan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat masuk yang menyokong suatu mogok atau menentang sekat-masuk;
- perbuatan seseorang yang mengambil bahagian bersama orang lain dalam sebarang gangguan ketenteraman awam (sama ada yang berkaitan dengan mogok atau sekat-masuk atau tidak); dan
- tindakan pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam membanteras atau percubaan untuk membanteras mana- mana gangguan sedemikian atau untuk mengurangkan akibat gangguan tersebut.

Endorsemen ini tidak melindungi:

- perang saudara, peperangan, pencerobohan atau perbuatan musuh asing, permusuhan atau operasi seakan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak);
- revolusi, pemberontakan atau kekecohan awam yang mencapai tahap kebangkitan awam; dan
- Tindakan Keganasan.**

Endorsemen ini juga tidak melindungi sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti secara langsung atau tidak langsung, secara dekat atau jauh yang disebabkan oleh atau yang diakibatkan oleh atau yang boleh dikesan kepada atau yang timbul dari atau yang berkaitan dengan pengecualian yang dinyatakan di atas.

Endorsemen C057: Perlindungan Tambahan Bencana Khas

Merujuk kepada sumbangan tambahan yang **Anda** telah bayar, **Takaful** yang diberikan di bawah Seksyen A **Sijil** ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap **Kereta Anda** akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun bencana alam yang lain.

Endorsemen C072: Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang Kerana Perbuatan Cuai

Sebagai balasan terhadap sumbangan tambahan yang **Anda** telah bayar, **Takaful** yang diberikan di bawah Seksyen B **Sijil** ini termasuk liabiliti di sisi undang-undang yang ditanggung oleh mana-mana penumpang di dalam **Kereta Anda** dengan syarat penumpang itu:

- tidak memandu **Kereta Anda**;
- tidak layak mendapat ganti rugi di bawah mana-mana **Sijil** Takaful / **Sijil** Insurans yang lain yang melindungi liabiliti di sisi undang-undang seperti yang dinyatakan di bawah **Endorsemen** ini; dan
- mematuhi semua terma dan syarat **Sijil** ini seolah-olah dia adalah **Anda**.

Endorsemen ini tidak melindungi:

- kematian atau kecederaan tubuh badan terhadap sesiapa yang bekerja dengan **Anda** atau penumpang, dan orang itu meninggal atau cedera semasa melaksanakan kontrak pekerjaannya;
- kerosakan harta benda kepunyaan atau yang diamanahkan atau berada dalam jagaan atau kawalan **Anda** atau penumpang atau ketika dibawa di dalam **Kereta Anda**; dan
- kematian atau kecederaan tubuh badan kepada pemandu atau mana-mana penumpang lain di dalam **Kereta Anda** dalam masa yang sama.

Endorsemen C087: Klausula Nilai yang Dipersetujui

Nilai Dipersetujui yang dinyatakan di dalam **Jadual** adalah amaun maksimum yang akan dibayar untuk **Kereta Anda**, setelah ditolak sebarang **Ekses** (jika berkaitan) sekiranya **Kereta Anda** dicuri atau musnah sama sekali.

Kami dan **Anda** telah bersetuju semasa **Sijil** ini mula berkuat kuasa supaya nilai ini digunakan sebagai asas penyelesaian dengan syarat **Kami** bertanggungjawab membayar kerugian atau kemusnahan itu di bawah terma dan syarat **Sijil** ini. **Nilai Pasaran Kereta Anda** pada masa kerugian berlaku tidak akan diambil kira.

Endorsemen C089: Klausula Nilai yang Dipersetujui

Merujuk sumbangan tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi **Endorsemen** ini, **Takaful** yang diberikan di bawah Seksyen A **Sijil** ini akan melindungi kos menggantikan atau membaiki mana-mana kaca pada cermin depan, tingkap atau bumbung matahari **Kereta Anda** yang pecah secara tidak sengaja termasuk kos laminasi/lapisan penintaan (jika ada) dengan syarat tiada tuntutan lain dibuat bagi **Insiden** ini. Amaun maksimum yang akan dibayar di bawah **Endorsemen** ini adalah amaun yang disebut di dalam **Jadual Sijil** di bawah tajuk '**Endorsemen 89**'.

Jika tuntutan **Anda** adalah khusus untuk kaca cermin yang pecah sahaja dan bukan kerosakan yang lain, **Kami** tidak akan memotong sebarang **Ekses**, dan **Anda** juga tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda.

Jika cermin yang pecah diganti, perlindungan yang diberikan oleh **Endorsemen** ini akan tamat sebaik sahaja kaca itu digantikan. Jika **Anda** ingin mendapatkan perlindungan berterusan **Anda** dikehendaki membayar sumbangan tambahan kepada **Kami**.

Sebaliknya jika kaca yang pecah diperbaiki perlindungan ini akan terus berkuat kuasa tetapi dengan amaun perlindungan yang berkurangan setelah ditolak kos untuk membaikinya. Untuk mengembalikan semula amaun perlindungan ini ke had yang asal **Anda** dikehendaki membayar sumbangan tambahan kepada **Kami**.

Kami mempunyai kata putus sama ada kaca yang pecah itu diperbaiki atau digantikan.

Endorsemen C095: Perjanjian Pajakan

Kami mendapati bahawa **Kereta Anda** diperoleh di bawah Perjanjian Pajakan dengan syarikat Pajakan yang dinamakan dalam **Jadual** sebagai Pemberi Pajak. **Anda** bersetuju tanpa syarat bahawa bayaran tunai yang **Kami** bayar bagi sebarang tuntutan di bawah Seksyen A akan dibuat kepada Pemberi Pajak selagi perjanjian Pajakan itu masih sah pada masa berlakunya **Insiden** itu. Akaun penerimaan dari Pemberi Pajak akan membebaskan **Kami** sepenuhnya daripada tuntutan liabiliti selanjutnya yang berkaitan dengan kerugian atau kerosakan tersebut. Bagi semua tujuan lain **Anda** adalah pihak prinsipal di bawah **Sijil** ini dan bukannya ejen atau pemegang amanah bagi Pemberi Pajak dan **Anda** tidak menyerahkan hak manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah **Sijil** ini kepada Pemberi Pajak. **Anda** tidak boleh menyerahkan hak manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah **Sijil** ini kepada sesiapa tanpa persetujuan bertulis daripada **Kami**.

Endorsemen C097: Perlindungan Berasingan Bagi Aksesori yang dipasang pada Kereta Anda

Merujuk sumbangan tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi **Endorsemen** ini, **Takaful** yang diberikan di bawah Seksyen A **Sijil** ini akan melindungi **Aksesori** bukan piawaian yang butirannya dinyatakan di dalam **Jadual Sijil**. Amaun maksimum yang Kami akan bayar di bawah **Endorsemen** ini ialah amaun yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** di bawah tajuk '**Endorsemen C97A**'.

Jika tuntutan **Anda** adalah khusus untuk **Aksesori** sahaja dan bukan untuk kerosakan lain, **Kami** tidak akan memotong sebarang **Ekses**, dan **Anda** juga tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda**.

Perlindungan ini akan ditamatkan pada tarikh tuntutan **Anda** dibayar di bawah **Endorsemen** ini. Untuk mengembalikan semula perlindungan ini **Anda** dikehendaki membayar sumbangan tambahan kepada **Kami**.

Endorsemen C97A: Peralatan Penukaran Gas dan Tangki

Merujuk sumbangan tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi **Endorsemen** ini, **Takaful** yang diberikan di bawah Seksyen A **Sijil** ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap Peralatan Penukaran Gas dan Tangki **Kereta Anda** sebagai item berasingan dengan syarat ia dipasang oleh pemasang yang bertauliah. Amaun maksimum yang **Kami** akan bayar di bawah **Endorsemen** ini ialah amaun yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** di bawah tajuk '**Endorsemen 97(a)**'.

Jika tuntutan **Anda** adalah hanya untuk Peralatan Penukaran Gas dan Tangki sahaja dan bukan untuk kerosakan yang lain, tiada sebarang **Ekses** akan ditolak, dan **Anda** tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda**.

Perlindungan akan ditamatkan pada tarikh tuntutan **Anda** dibayar di bawah **Endorsemen** ini. Untuk memulihkan semula perlindungan ini **Anda** dikehendaki membayar sumbangan tambahan kepada **Kami**.

Endorsemen C100: Liabiliti dari segi Undang-undang terhadap Penumpang

Merujuk sumbangan tambahan yang **Anda** telah bayar, **Kami** akan mengganti rugi liabiliti **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** terhadap mana-mana penumpang yang dibawa di dalam atau semasa menaiki atau memasuki atau turun dari **Kereta Anda** kecuali bagi:

- kematian atau kecederaan tubuh badan mana-mana penumpang yang dibawa untuk sewaan atau mengutip tambang;
- kematian atau kecederaan tubuh badan mana-mana orang di mana kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan melaksanakan tugas dengan **Anda** atau dengan **Pemandu Dibenarkan**;
- kerosakan terhadap harta kepunyaan, atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dan/atau mana-mana **Ahli Keluarga Anda** atau **Ahli Keluarga Pemandu Dibenarkan**.
- liabiliti kepada mana-mana orang yang juga **Ahli Keluarga Anda** dan/atau **Ahli Keluarga Pemandu Dibenarkan** yang menjadi penumpang di dalam atau di atas **Kereta Anda** kecuali dia dikehendaki dibawa dengan sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya dengan **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dan/atau majikannya;
- liabiliti yang disebabkan oleh penumpang yang menaiki atau turun dari **Kereta Anda**;
- apa-apa tuntutan yang dibawa terhadap **Anda** oleh mana-mana pemandu **Kereta Anda** sama ada dibenarkan atau tidak;
- apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam; dan/atau
- semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak tertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.

Syarat Perlindungan

Jika semasa berlakunya **Insiden** yang membawa kepada tuntutan di bawah **Endorssmen** ini, **Kereta Anda** membawa penumpang lebih daripada bilangan had maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, liabiliti **Kami** akan dihadkan kepada bilangan penumpang yang dinyatakan pada kenderaan yang didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Jika bilangan penumpang yang dibawa di dalam kenderaan semasa berlakunya suatu **Insiden** itu lebih daripada bilangan maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, tuntutan mereka tidak akan dibayar secara penuh. Sebarang bayaran yang **Kami** buat kepada orang yang membuat tuntutan di bawah **Endorssmen** ini akan dibahagikan mengikut kadar berkurangan dengan nisbah bilangan penumpang maksimum dibenarkan oleh undang-undang ke atas jumlah sebenar penumpang yang dibawa pada masa **Insiden**. Perbezaan di antara jumlah yang **Kami** bayar dan tuntutan yang akan dibayar kepada setiap penumpang yang membuat tuntutan di bawah **Endorsemen** ini akan ditanggung oleh **Anda/Pemandu Dibenarkan**. Bahagian yang **Kami** bayar akan dikira berdasarkan formula berikut:-

$$\frac{\text{Jumlah penumpang dibenarkan oleh undang-undang}}{\text{Bilangan sebenar penumpang yang dibawa ketika Insiden}} \times \text{Jumlah tuntutan Diberikan}$$

Endorsemen C101: Perluasan Perlindungan ke Negara Thailand

Merujuk kepada sumbangan tambahan yang **Anda** telah bayar, **Takaful** yang tersedia di bawah Seksyen A dan B1(a)(ii) **Sijil** ini akan melindungi **Kereta Anda** semasa digunakan di Negara Thailand berkuat kuasa dari masa perlindungan tersebut disertai pada [nyatakan tarikh] hingga tengah malam (Waktu Rasmi Malaysia/pada [nyatakan tarikh]). Had liabiliti yang **Kami** berikan di bawah Seksyen B1(a)(ii) adalah sehingga jumlah maksimum sebanyak RM100,000 sahaja.

Endorsemen ini tidak melindungi liabiliti dari segi undang-undang di bawah Seksyen B1(a)(i) semasa **Kereta Anda** digunakan di Negara Thailand.

Endorsemen C102: Perluasan Perlindungan ke Kalimantan

Sebagai balasan terhadap sumbangan tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** kawasan geografi **Sijil** ini diperluas untuk meliputi Kalimantan berkuat kuasa dari _____ pagi / petang / malam pada [nyatakan tarikh] hingga ke tengah malam (Waktu Rasmi Malaysia) pada [nyatakan tarikh] tertakluk pada had liabiliti sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) di bawah Bahagian B1(a)(i) dan B1(a)(ii).

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Sijil** ini.

Endorsemen C105: Had Liabiliti bagi Kerosakan Harta Pihak Ketiga

Sebagai balasan terhadap Sumbangan tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi **Endorsemen** ini, **Kami** bersetuju untuk menambah had liabiliti yang diberikan di bawah Seksyen B2(ii) **Sijil** sehingga RM *[nyatakan had baharu]* berkuat kuasa dari *[nyatakan tarikh]*.

Had liabiliti yang melebihi RM3 juta sehingga RM20 juta adalah dibenarkan tertakluk kepada Sumbangan tambahan yang dinyatakan seperti di bawah:

Had liabiliti Kerosakan Harta Pihak Ketiga

Dari RM3 juta sehingga RM4 juta - 15% dari Sumbangan Pihak Ketiga

Sehingga RM6 juta - 30% dari Sumbangan Pihak Ketiga

Sehingga RM10 juta - 45% dari Sumbangan Pihak Ketiga

Sehingga RM20 juta - 60% dari Sumbangan Pihak Ketiga

Endorsemen C111: Pampasan “Diskaun Tanpa Tuntutan” Tahun Semasa (diguna pakai hanya bagi Sijil Komprehensif Kereta Persendirian)

Merujuk sumbangan tambahan yang **Anda** telah bayar Diskaun Tanpa Tuntutan yang **Anda** telah hilang kerana membuat tuntutan di bawah **Sijil** ini akan dibayar balik. Amaun yang akan bayar balik adalah sama dengan peratus kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda** yang ditunjukkan di dalam **Jadual Sijil** ini bagi **Tempoh Takaful** semasa.

Perlindungan yang diberikan di bawah **Endorsemen** ini akan tamat secara automatik apabila:

- Kami** membuat bayaran bagi sesuatu tuntutan di bawah **Endorsemen** ini;
- pemilikan **Sijil** ini dipindahkan ke pihak yang lain; atau
- Anda** menarik balik kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda** daripada **Sijil** ini.

Kami tidak akan mengembalikan mana-mana bahagian sumbangan tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** jika perlindungan di bawah **Endorsemen** ini ditamatkan seperti yang tersebut di atas atau **Anda** telah membatalkan **Endorsemen** ini pada bila-bila masa.

Endorsemen C112: Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan (Compensation for Assessed Repair Time (CART))

Merujuk sumbangan tambahan yang **Anda** telah bayar pampasan bagi jumlah hari yang **Kami** anggarakan diperlukan untuk membaiki **Kereta Anda** di bawah Seksyen A Sijil ini ('tempoh pembaikan yang dianggarkan') akan dibayar. **Kami** bersetuju bahawa bayaran akan didasarkan pada tempoh pembaikan yang dianggarkan oleh **Pihak Penyelaras** atau amaun maksimum yang diberikan di dalam Jadual atau yang mana lebih rendah.

Kadar maksimum bagi setiap hari dan jumlah hari maksimum yang akan bayar di bawah **Endorsemen** ini terhad kepada jumlah yang disebutkan di dalam **Jadual** di bawah tajuk '**Endorsemen C112**'.

Kami tidak akan memotong sebarang **Ekses** bagi setiap tuntutan yang **Kami** setuju untuk bayar di bawah **Endorsemen** ini, **Anda** tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda**.

Kami tidak akan membayar:

- jika tuntutan **Anda** hanya untuk cermin pecah yang boleh dibayar di bawah **Endorsemen C089**;
- untuk sebarang kelewatan dari segi tempoh masa yang diambil untuk membaiki **Kereta Anda** lebih dari tempoh anggaran pembaikan. Keputusan muktamad tentang tempoh masa yang diperlukan untuk membaiki **Kereta Anda** akan ditentukan oleh **Kami** tanpa mengira sama ada tuntutan **Anda** dikemukakan secara terus kepada **Kami** atau terhadap pihak ketiga;
- jika tuntutan **Anda** adalah untuk kecurian atau kerugian sepenuhnya **Kereta Anda**; atau
- jika tuntutan **Anda** di dalam proses BER.

Kami tidak akan mengembalikan mana-mana bahagian sumbangan tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** jika **Anda** membatalkan **Endorsemen** ini pada bila-bila masa.

Endorsemen CADR: Semua Pemandu

Dengan syarat orang yang memandu dibenarkan mengikut perundangan atau undang-undang lain untuk memandu kenderaan bermotor atau telah dibenarkan dan tidak disenaraihitamkan oleh perintah Mahkamah atau oleh sebab mana-mana undang-undang atau peraturan dalam hal tersebut dari memandu kenderaan bermotor itu.

Endorsemen C201: Motor PA Plus

Merujuk kepada sumbangan tambahan yang **Anda** bayar, perlindungan di bawah **Sijil** ini termasuk:

1. Perlindungan Kemalangan Peribadi untuk Pemandu & Penumpang
A. Faedah

Setiap pemandu dan/atau penumpang **Kereta Anda** akan layak untuk mendapat faedah tambahan Kematian Akibat Kemalangan dan Kebalikannya seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** bagi setiap nyawa dalam satu jumlah wang sekaligus (selain dari liputan percuma yang disediakan di bawah Seksyen G: Perlindungan Kemalangan Peribadi Percuma untuk Pemandu & Penumpang dalam **Sijil**).

B. Syarat-syarat Pembayaran Faedah

Orang yang layak mendapat perlindungan ini adalah pemandu atau penumpang yang mengalami kecederaan yang menyebabkan kematian atau Kebalikannya dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan.

- (i) **Orang yang Dilindungi** merujuk kepada pemandu dan/atau penumpang **Kereta Anda**.
- (ii) Kebalikan Kekal merujuk kepada kehilangan sepenuhnya melalui pemisahan atau kehilangan sepenuhnya dan kekal kegunaan bagi keadaan-keadaan berikut:
 - a) Paralisis sepenuhnya;
 - b) Kehilangan dua anggota badan;
 - c) Kehilangan kedua-dua tangan atau semua jari-jari dan kedua-dua ibu jari; atau
 - d) Kehilangan sepenuhnya penglihatan kedua-dua mata.

Syarat-syarat ini mesti berterusan tanpa gangguan selama tempoh enam (6) bulan dan disahkan oleh pakar perubatan yang dilantik oleh **Kami** bahawa tiada harapan untuk pulih.

C. Had Wilayah

Malaysia

D. Pengecualian

Tiada faedah akan dibayar dalam mana-mana keadaan berikut:

- 1. percubaan bunuh diri, pembunuhan yang diprovokasi atau serangan;
 - (i) jika **Orang yang Dilindungi** tidak memegang lesen memandu yang sah untuk memandu **Kereta Anda** atau tidak layak untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu yang sah di bawah peraturan Akta Pengangkutan Jalan Malaysia;
 - (ii) semasa **Kereta Anda** digunakan untuk disewa, perlumbaan, rally jalan raya, memecut, ujian kelajuan atau untuk tujuan apa-apa yang berkaitan dengan perdagangan motor;
 - (iii) semasa pemandu **Kereta Anda** di bawah pengaruh arak atau dadah yang memabukkan;
 - (iv) tindakan yang sengaja, jenayah, tidak sah atau bertujuan, atau kecuai.

E. Peruntukan Khas

Jika bilangan **Orang yang Dilindungi** pada masa kejadian melebihi bilangan yang dinyatakan sebagai kapasiti tempat duduk dalam Kad Pendaftaran Kenderaan, had liabiliti kami bagi setiap orang akan dikurangkan dengan nisbah bilangan penumpang yang dinyatakan kepada bilangan sebenar penumpang.

2. Penundaan dan Penarikan Kenderaan Yang Rosak

Sekiranya berlaku kerosakan kepada **Kereta Anda** semasa Tempoh Takaful, pembekal perkhidmatan kami akan membantu menarik **Kereta Anda** sehingga jarak yang dinyatakan dalam **Jadual** ke mana-mana bengkel panel kami atau bengkel pilihan anda/pemandu yang diberi kebenaran. Semua caj tol dan kos yang dikeluarkan untuk alat ganti hendaklah ditanggung oleh **Anda**/pemandu yang diberi kebenaran. Untuk mengelakkan keraguan, liputan ini disediakan tambahan kepada had penarikan yang layak di bawah program Tele Bantuan dan ia hanya disediakan di dalam Malaysia sahaja.

Endorsemen 202: Penggantian Kunci

Merujuk sumbangan tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi **Endorsemen** ini, **Kami** bersetuju bahawa jika kunci **Kereta Anda** dicuri atau hilang semasa **Tempoh Takaful**, **Kami** akan menggantikan lapan puluh peratus (80%) daripada kos penggantian kunci sehingga jumlah maksimum seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil**. Perlindungan ini adalah terhad kepada satu tuntutan dalam setiap **Tempoh Takaful**. Dengan syarat salinan laporan polis tentang **Insiden** dan resit asal bagi perbelanjaan yang dikeluarkan diserahkan kepada **Kami**.

Endorsemen 203: Penundaan dan Pembersihan akibat Kerosakan Air

Merujuk sumbangan tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi **Endorsemen** ini, **Kami** bersetuju bahawa sekiranya **Kereta Anda** mengalami kerosakan akibat banjir, banjir kilat, limpahan air dari saluran air, longkang atau sungai atau tanah runtuh semasa **Tempoh Takaful** yang memerlukan penundaan dan pembersihan **Kereta Anda**, **Kami** akan menggantikan kos sebenar bagi penundaan dan pembersihan **Kereta Anda** sehingga jumlah maksimum seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil**. Perlindungan ini adalah terhad kepada satu tuntutan dalam setiap **Tempoh Takaful**.

Dengan syarat salinan laporan polis tentang **Insiden** dan resit asal bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dan gambar-gambar **Kereta Anda** sebelum dan selepas kerja penundaan dan pembersihan diserahkan kepada **Kami**.

Bagi mengelakkan keraguan, perlindungan ini tidak terpakai kepada:

- (a) kos penggantian bahagian-bahagian, hiasan lantai, upholstery, sarung tempat duduk dan seumpamanya.
- (b) ubahsuai enjin, transmisi atau bahagian-bahagian mekanikal atau elektrik yang lain.

Syarat Tambahan

1. PEMATUHAN HARTA MENGIKUT KLAUSA SYARIAH

Dengan ini, dipersetujui dan diisytiharkan bahawa **Sijil** ini tidak akan melindungi dan bukan bertujuan untuk melindungi perniagaan, harta, bahan, stok, tunai atau mana-mana instrumen kewangan lain (secara kolektif "Harta benda") dan/atau sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk, sama ada sementara atau kekal, timbul daripada mana-mana Harta benda tersebut jika pada bila-bila masa selepas permulaan **Sijil**, **Kami** akan mendapati Harta benda tersebut tidak mematuhi Syariah. Dalam sebarang kes sedemikian, **Kami** berhak membatalkan **Sijil** ini dan membayar balik sebarang sumbangan yang diterima.

Perkara di atas tertakluk kepada terma dan syarat **Sijil**.

2. AGIHAN LEBIHAN

- a. Sebarang lebihan boleh agih yang timbul daripada **DTA**, seperti yang ditentukan oleh **Kami**, akan diagihkan mengikut nisbah berikut:
 - i. sekurang-kurangnya lima puluh peratus (50%) lebihan boleh agih akan diagihkan kepada peserta yang layak berdasarkan **Hibah**; dan
 - ii. baki daripada lebihan yang boleh agih akan dibayar kepada **Kami** sebagai insentif prestasi berdasarkan **Ju'alah**.
- b. Kelayakan **Anda** untuk lebihan boleh agih tertakluk kepada terma dan syarat berikut:
 - i. tiada tuntutan dibuat ketika **Tempoh Takaful**; dan
 - ii. tiada manfaat telah diterima semasa **Tempoh Takaful**.
- c. Jumlah lebihan boleh agih akan dibayar terus ke akaun bank **Anda** dan hanya dibayar / boleh dituntut sehingga enam (6) bulan dari tarikh pengisytiharaan. Selepas itu, **Anda** bersetuju untuk melepaskan kelayakan **Anda** dan jumlah tersebut akan dikreditkan kepada **DTA** oleh **Kami**. Lebihan boleh agih tidak dijamin dan akan berdasarkan pengalaman tuntutan sebenar dan prestasi dana.

4. YURAN WAKALAH

Yuran **Wakalah** yang dikenakan di bawah **Sijil** ini ialah dua puluh enam peratus (26%) daripada **Sumbangan**. Yuran **Wakalah** akan ditolak terlebih dahulu selepas pembayaran sumbangan.

5. BAYARAN UNTUK AMAUN KECIL

Untuk sebarang amaun yang patut dibayar dan yang akan dibayar kepada **Anda** kerana bayaran balik/ serahan/ matang/ penamatan/ tuntutan yang akan dibayar menggunakan cara pembayaran selain daripada secara elektronik, bayaran tersebut akan hanya dibuat sekiranya amaun yang patut dibayar dan yang akan dibayar berjumlah Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) atau lebih. Untuk sebarang amaun yang kurang daripada Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00), **Kami** akan mendermakannya untuk amal kebajikan seperti yang diluluskan oleh **Kami**.

6. KLAUSA PENGECUALIAN SEKATAN

Kami tidak akan menyediakan perlindungan dan tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau membayar apa-apa manfaat di bawah **Sijil** ini, hanya setakat peruntukan perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan tersebut atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan **Kami** kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat, atau mana-mana negerinya dan mana-mana undangundang dan peraturan lain yang berkenaan.

Kami boleh menamatkan **Sijil** ini berkuat kuasa serta-merta dan selepas itu tidak perlu melakukan sebarang urusan dengan **Anda** berkaitan **Sijil** ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, membuat atau menerima sebarang pembayaran di bawah **Sijil** ini.

7. HAK UNTUK MENAMATKAN SIJIL KERANA KEGIATAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PEMBIAYAAN AKTIVITI KEGANASAN

Jika **Kami** mendapati, bahawa **Sijil** ini dieksploitasi untuk aktiviti pengubahan wang haram atau untuk membiayai keganasan, **Kami** berhak untuk menamatkan **Sijil** dengan serta-merta. **Kami** akan berurusan dengan semua sumbangan yang dibayar dan semua Manfaat atau jumlah yang perlu dibayar berkenaan dengan **Sijil** dalam cara yang **Kami** anggap sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada menyerahkannya kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

8. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA 2010)

Anda boleh membuat pertanyaan atau meminta akses atau pembetulan terhadap Data Peribadi **Anda** atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi **Anda** pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada **Kami** melalui emel kepada csu@takaful-malaysia.com.my. **Kami** akan menyimpan maklumat peribadi **Anda** hanya selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan pengumpulan atau untuk mematuhi keperluan dasar undang-undang, peraturan atau dasar dalaman.

Anda telah dengan nyata mengakui dan membenarkan Data Peribadi **Anda** disimpan, diproses dan didedahkan oleh **Kami** bagi tujuan tersebut dan menurut Notis Privasi seperti yang terdapat di laman web **Kami**.

9. PENGURUSAN DANA

Merujuk kepada kuasa yang telah diberikan kepada **Kami** oleh **Anda** dan peserta lain, **Kami** akan menguruskan **DTA** mengikut Syariah dan cara yang memelihara kepentingan peserta. **Kami** mempunyai budi bicara untuk menjalankan sebarang tindakan yang dianggap perlu untuk manfaat peserta dan dana, termasuk tetapi tidak terhad kepada pelaburan dana dan mendapatkan retakaful yang mencukupi, tertakluk kepada keperluan Syariah dan kawal selia.

10. REKTIFIKASI DEFISIENSI & KERUGIAN

Jika **DTA** mengalami defisit, **Kami** akan memberikan pinjaman tanpa faedah kepada **DTA** berdasarkan **Qard** untuk membetulkan defisit. Sebarang keuntungan yang timbul daripada pinjaman akan dimiliki oleh **DTA** (kumpulan Peserta) dan pinjaman akan dibayar balik apabila **DTA** kembali ke kedudukan lebihan. **Kami** mungkin menyetepikan hak **Kami** untuk menerima bayaran balik pinjaman. Jika **DTA** mengalami defisit atau mengalami kerugian akibat salah urus atau kecuaiian **Kami**, **Kami** akan membuat pemindahan langsung untuk membetulkan defisit atau kerugian.

11. NOTIS

Sebarang surat-menyurat, notis, permohonan, arahan yang diperlukan oleh **Kami** mestilah secara bertulis, sama ada melalui notis bertulis atau melalui cara elektronik.

Pertanyaan / Aduan dan Tuntutan Rayuan

1. PERTANYAAN/ADUAN

Sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan **Sijil Anda**, **Anda** boleh merujuk kepada Unit Khidmat Pelanggan (CSU) **Kami** di:

Unit Khidmat Pelanggan (CSU)

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)]

Tingkat 27, Blok Annexe,

Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur

Peti Surat 11483,

50746 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300 88 252 385

Emel: csu@takaful-malaysia.com.my

Laman Web: www.takaful-malaysia.com.my

2. LOKASI TUNTUTAN RAYUAN

Jika **Anda** memerlukan penjelasan lanjut atau tidak berpuas hati dengan keputusan tuntutan **Kami**, sila hubungi Unit Khidmat Pelanggan (CSU) di 1-300 88 252 385 atau emel di csu@takaful-malaysia.com.my dan **Kami** akan memberikan maklum balas yang sewajarnya. Untuk kes rayuan, **Kami** akan mengajukan perkara yang sama kepada pengurusan kanan **Kami** untuk semakan dan maklum balas **Kami** sebaik sahaja rayuan **Anda** telah diputuskan/ diselesaikan oleh **Kami**.

Sekiranya **Anda** tidak berpuas hati dengan keputusan muktamad berkenaan rayuan yang dibuat, **Anda** boleh merujuk kes itu sama ada kepada **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)** atau kepada BNMLINK, Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut dalam tempoh enam (6) bulan dari keputusan **Kami**.

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) [200401025885 (664393P)]

(Sebelum ini dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur

Tel: +603-2272 2811

Alamat Borang Web: <https://www.fmos.org.my/bm/feedback.html>

Laman web: www.fmos.org.my

BNM Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK)

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB,

No. 10, Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 (LINK)

Faks: +603 2174 1515

Alamat Borang Web: bnm.gov.my/BNMLINK